

Bil. S 30

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))**

PERINTAH KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH, 2001

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (3) bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN I

PERKAITAN FAKTA

PENGGAL I

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Keterangan Mahkamah Syariah, 2001 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh atau tarikh-tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan di bawah ceraiian (1) bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan bagi peruntukan yang sama.

(3) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah berkenaan dengan Undang-Undang Keterangan untuk Mahkamah Syariah".

Pengenaan.

2. Perintah ini hendaklah dikenakan mengikut *Hukum Syara'* bagi segala prosiding kehakiman Mahkamah Syariah.

Tafsiran.

3. (1) Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"*'adil*" bermakna seorang Islam yang termaklum menunaikan kewajipan agama, menjauhi daripada dosa-dosa besar dan tidak mengekalkan dosa-dosa kecil;

"*'ariyah*" bermakna memberi pinjaman manfaat apa-apa barang secara percuma atau tanpa balasan tanpa menjejaskan pemilikan barang itu dengan syarat barang tersebut hendaklah dikembalikan;

"*baligh*" bermakna seorang yang cukup umur mengikut *Hukum Syara'*;

"*bayyinah*" bermakna keterangan yang membuktikan suatu hak atau kepentingan termasuk *qarinah*;

"dokumen" bermakna mana-mana hal yang dinyatakan, dihuraikan atau bagaimana jua pun digambarkan, atas mana-mana benda, bahan, barang atau artikel, termasuk mana-mana hal yang terkandung dalam cakera, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain, dengan menggunakan —

- (a) huruf, angka, tanda, simbol, isyarat, lambang, atau apa jua bentuk pernyataan, perihalan atau gambaran lain;
- (b) mana-mana rakaman visual (sama ada kaku atau bergerak);
- (c) mana-mana rakaman bunyi, atau mana-mana rakaman elektronik, magnetik, mekanikal atau rakaman lain dan walau bagaimana jua pun dibuat, atau mana-mana bunyi, dedenyut elektronik, atau apa jua pun data lain;
- (d) suatu rakaman, atau pemancaran, dalam suatu jarak mana-mana hal dengan mana-mana, atau mana-mana kombinasi, cara-cara yang mana disebut dalam perenggan (a), (b), (c), atau dengan lebih daripada satu cara-cara yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (a), (b), (c) dan (d), yang dimaksudkan untuk digunakan atau mungkin digunakan bagi tujuan menyatakan, memperihalkan, atau dengan apa jua cara menggambarkan, hal itu.

Misalan

Tulisan ialah dokumen.

Perkataan yang dicetak, dilitograf atau difotografi ialah dokumen.

Peta, pelan, graf atau lakaran ialah dokumen.

Inskripsi pada kayu, logam, atau batu ialah dokumen.

Lukisan, citra, gambar atau karikatur ialah dokumen.

Fotograf atau negatif ialah dokumen.

Rakaman, pita komunikasi telefon, termasuklah rakaman komunikasi sedemikian yang dipancarkan dari suatu jarak, ialah dokumen.

Rakaman fotografi atau rakaman visual lain, termasuklah rakaman pemancaran fotografi atau pemancaran visual lain dari suatu jarak ialah dokumen.

Hal yang dirakamkan, disimpan, diproses, didapatkan semula atau dikeluarkan oleh komputer, ialah dokumen.

"fakta" bermakna dan termasuk —

- (a) mana-mana barang, keadaan barang-barang atau perkaitan barang-barang yang boleh diketahui dengan deria;
- (b) mana-mana keadaan mental yang disedari oleh sesiapa pun.

Misalan

- (a) Bahawa terdapat benda-benda yang tertentu yang disusun dalam suatu susunan yang tertentu di suatu tempat yang tertentu adalah suatu fakta.
- (b) Bahawa seseorang yang mendengar atau melihat sesuatu adalah suatu fakta.
- (c) Bahawa seseorang mengatakan perkataan-perkataan yang tertentu adalah suatu fakta.
- (d) Bahawa seseorang mempunyai suatu pendapat yang tertentu, mempunyai suatu tujuan yang tertentu, berbuat dengan niat yang baik atau secara tipuan, atau menggunakan suatu perkataan yang tertentu dengan maksud yang tertentu atau telah pada waktu yang tertentu menyedari akan maksud yang tertentu itu, adalah suatu fakta.
- (e) Bahawa seseorang itu mempunyai reputasi yang tertentu adalah suatu fakta.

"fakta persoalan" bermakna mana-mana fakta yang darinya sama ada dengan sendirinya atau berhubung dengan fakta-fakta lain, wujudnya atau tidak wujudnya, jenis atau luasnya mana-mana hak, atau tanggungan atau ketidakupayaan ditegaskan atau dinafikan dalam suatu guaman atau prosiding, semestinya ternyata.

Misalan

A dituduh berkhawat dengan B.

Di dalam perbicaraannya, fakta-fakta yang berikut boleh menjadi persoalan bahawa A berada berdua-duaan dengan B di dalam sebuah bilik tertutup; bahawa A berdua-duaan dengan B di dalam kereta yang terletak di tempat sunyi.

"*hadd*" bermakna sesuatu hukuman jenayah atau siksaan yang telah ditetapkan oleh Al-Quran atau Sunnah Rasullullah Sallallahu Alaihi Wassalam;

"Hakim" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184) dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie;

"Hakim Syar'ie" bermakna Hakim Syar'ie yang dilantik di bawah bab-bab 9(1), 10(1) dan 11 dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggagal 184) dan termasuk Ketua Hakim Syar'ie;

"*Hukum Syara'*" bermakna hukum-hukum menurut mana-mana mazhab yang sah pada pendapat Mahkamah;

"*jinayat*" bermakna sesuatu perbuatan yang diharamkan oleh *Hukum Syara'*, sama ada perbuatan itu melibatkan nyawa atau hartabenda atau sebagainya;

"*kafalah*" bermakna menyatukan tanggungan penjamin kepada tanggungan orang yang dijamin di dalam kewajipan terhadap sesuatu hak seperti hutang, maka dengan yang demikian hutang itu sabit di dalam tanggungan mereka berdua;

"keterangan" adalah termasuk —

- (a) *bayyinah* dan *syahadah*;
- (b) semua pernyataan yang dibenarkan untuk dibuat di hadapan Mahkamah oleh saksi-saksi yang berkaitan dengan hal-hal fakta di bawah siasatan: pernyataan-pernyataan demikian disebut keterangan lisan;

(c) semua dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen-dokumen demikian disebut keterangan suratan;

"komputer" mempunyai makna yang ditentukan oleh bab 30(8);

"*mahjur 'alaih*" bermakna seseorang yang ditegah mengikut *Hukum Syara'* daripada menguruskan hartanya;

"Mahkamah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan menurut bab 6(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggalaan 184);

"Mahkamah Syariah" bermakna Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan menurut bab 6(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggalaan 184);

"*mahr*" bermakna mas kahwin iaitu sesuatu yang wajib diberi oleh suami kepada isteri disebabkan akad nikah menurut *Hukum Syara'*;

"*marad al maut*" bermakna sakit yang pada kebiasaannya menyebabkan mati;

"Menteri" bermakna Menteri Hal Ehwal Ugama;

"*mudda 'ii*" bermakna orang yang mendakwa atau orang yang menuntut sesuatu hak;

"*mudda 'a 'alaih*" bermakna orang yang didakwa atau dituntut mengenai sesuatu hak;

"*mudharabah*" bermakna seseorang menyerahkan hartanya kepada orang lain untuk diperniagakan yang mana keuntungannya dikongsikan bersama;

"*mumaiyiz*" bermakna seorang kanak-kanak yang telah sampai tahap umur yang boleh membezakan di antara sesuatu perkara;

"*muzakki*" bermakna seseorang yang memberikan maklumat mengenai dengan seorang saksi sama ada '*adil*' atau tidak atas perintah Mahkamah;

"Peguam Syar'ie" bermakna seseorang yang diterima sebagai Peguam Syar'ie di bawah bab 27(1) dari Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggalaan 184);

"*qisas*" bermakna hukuman balas balik atau persamaan yang digunakan untuk menghukum kesalahan melakukan kematian atau cedera tubuh badan ke atas seseorang;

"saksi" bermakna tidak termasuk tertuduh dalam prosiding jenayah dan pihak-pihak dalam prosiding mal;

"*syahid*" bermakna orang yang memberikan keterangan secara *syahadah*;

"*syahid asal*" bermakna seseorang yang meminta orang lain menyampaikan *syahadah* bagi pihaknya;

"*syahid furu*" bermakna seseorang yang memberikan *syahadah* atas *syahadah* yang diberikan oleh *syahid asal* yang memintanya berbuat demikian;

"*syahadah*" bermakna keterangan yang bersifat benar di Mahkamah dengan menggunakan lafaz "*asyhadu*" untuk mensabitkan hal atau kepentingan seseorang ke atas seorang lain, dan apabila sabit ia mengikat Hakim;

"*syahadah ala al syahadah*" bermakna keterangan dalam bentuk *syahadah* yang diberikan oleh seseorang '*syahid*' (*syahid furu*) atau *syahadah* yang diberikan oleh *syahid* lain (*syahid asal*) yang memintanya berbuat demikian;

"*tazkiyah al syuhud*" bermakna siasatan yang dilakukan oleh Mahkamah ke atas saksi-saksi untuk menentukan sama ada saksi-saksi tersebut '*adil* atau tidak;

"telah dibuktikan", suatu fakta dikatakan sebagai "telah dibuktikan" bila, selepas mempertimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada percaya ianya wujud atau menganggap wujudnya begitu harus sehingga seseorang yang berhemat patut, di bawah keadaan-keadaan kes yang tertentu, untuk bertindak atas sangkaan bahawa ianya wujud;

"telah dibuktikan sebaliknya", suatu fakta dikatakan sebagai "telah tidak dibuktikan sebaliknya" bila, selepas mempertimbangkan perkara-perkara di hadapannya, Mahkamah sama ada percaya bahawa ianya tidak wujud atau menganggap tidak wujudnya begitu harus sehingga seseorang yang berhemat patut, di bawah keadaan-keadaan kes yang tertentu, untuk bertindak atas sangkaan bahawa ianya tidak wujud;

"telah tidak dibuktikan" bermakna suatu fakta dikatakan sebagai "telah tidak dibuktikan" bila sama ada ianya telah tidak dibuktikan atau telah dibuktikan sebaliknya;

"*yamin*" bermakna suatu pernyataan yang dibuat dengan penuh kesungguhan berhubung dengan perkara yang mungkin berlaku atau berlaku sebaliknya atau mengukuhkannya dengan menyebut nama Allah atau salah satu sifat zatnya.

(2) Semua perkataan dan ungkapan yang digunakan di dalam Perintah ini dan tidak ditakrifkan di dalamnya tetapi ditakrifkan dalam Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggali 4), hendaklah masing-masing mempunyai makna yang sama yang ditentukan kepadanya dalam Akta itu setakat yang ia tidak bercanggah dengan *Hukum Syara'*.

(3) Sebutan dalam Perintah ini kepada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini adalah kepada tarikh permulaan kuatkuasa peruntukan-peruntukan substantif utama Perintah ini.

Rujukan kepada skrip bahasa Arab.

4. (1) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam Perintah ini yang disenaraikan dalam Jadual, rujukan boleh dibuat kepada bentuk skrip bahasa Arab bagi perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan itu yang ditunjukkan bertentangan dengannya dalam Jadual itu.

(2) Ketua Hakim Syar'ie boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dari semasa kesemasa meminda Jadual itu.

Naskhah bahasa Melayu adalah terpakai.

5. Jika sebarang percanggahan atau keraguan timbul tentang maksud atau kehendak sesuatu peruntukan di bawah Perintah ini, naskhah bahasa Melayu bagi Perintah ini adalah terpakai.

Anggapan.

6. (1) Bila-bila sahaja diperuntukkan oleh Perintah ini bahawa Mahkamah boleh menyangka sesuatu fakta, ianya boleh sama ada menganggap fakta demikian sebagai telah dibuktikan kecuali jika dan sehingga ianya telah dibuktikan sebaliknya, atau boleh menghendaki bukti baginya.

(2) Bila-bila sahaja diarahkan oleh Perintah ini bahawa Mahkamah hendaklah menganggap suatu fakta sebagai wujud, Mahkamah hendaklah

menganggap fakta demikian sebagai telah dibuktikan kecuali jika dan sehingga ianya telah dibuktikan sebaliknya.

(3) Bila satu fakta ditetapkan oleh Perintah ini sebagai bukti muktamad bagi fakta yang lain, Mahkamah hendaklah, setelah terbuktinya suatu fakta menganggap fakta yang lain itu sebagai telah dibuktikan, dan tidak boleh membenarkan keterangan untuk diberikan bagi membuktikan sebaliknya.

PENGGAL II

QARINAH

Ta'arif *qarinah*.

7. *Qarinah* ialah fakta-fakta yang ada hubungan dengan fakta yang lain dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam *Hukum Syara'* atau yang dihuraikan dalam Perintah ini.

Keterangan boleh diberi bagi fakta-fakta persoalan dan *qarinah*.

8. Keterangan boleh diberi dalam mana-mana guaman atau prosiding tentang wujudnya atau tidak wujudnya setiap fakta persoalan dan tentang fakta-fakta yang lain yang sedemikian sebagaimana selepas ini diisytiharkan sebagai *qarinah*, dan bukan mengenai fakta yang lain.

Huraian. - Bab ini tidak membolehkan sesiapa jua untuk memberi keterangan mengenai suatu fakta yang mana dia tidak berhak membuktikan dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang pada masa ini berkuatkuasa yang berkaitan dengan tatacara mal.

Misalan

- (a) *A* dituduh memukul *B*, isterinya dengan tongkat dengan tujuan untuk menyiksanya.

Pada perbicaraan *A* fakta-fakta berikut menjadi persoalan —

A memukul *B* dengan tongkat tersebut.

A menyakiti *B* dengan pukulan itu.

Tujuan *A* untuk menyiksa *B*.

- (b) *A*, satu pihak dalam satu guaman tidak mematuhi notis yang diberi oleh *B* pihak lain yang mengemukakan bagi pemeriksaan *B* suatu dokumen yang disebutkan dalam pliding *A*. Bab ini tidak membolehkan *A* untuk

mengemukakan dokumen demikian sebagai keterangan bagi pihaknya dalam guaman tersebut, dengan jalan lain menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa pada ketika itu yang berkaitan dengan tatacara mal.

Perkaitan fakta-fakta menjadikan sebahagian dari urusan yang sama.

9. Fakta-fakta yang, meskipun tidak menjadi persoalan, berkaitan sedemikian dengan suatu fakta sebagai menjadi sebahagian dari urusan yang sama adalah *qarinah*, sama ada ianya berlaku pada waktu dan tempat yang sama atau pada waktu atau tempat yang berlainan.

Misalan

A dituduh memukul isterinya B. Apa jua yang dikatakan atau dilakukan oleh A atau B atau orang-orang yang melihat kejadian memukul itu tidak lama sebelum atau selepas pemukulan tersebut sebagai menjadi sebahagian daripada kejadian tersebut, adalah *qarinah*.

Fakta-fakta yang menjadi alasan, sebab atau kesan tentang fakta-fakta persoalan.

10. Fakta-fakta yang menjadi alasan, sebab atau kesan, dengan serta-merta atau sebaliknya, bagi fakta-fakta yang berkaitan atau fakta-fakta persoalan, atau yang menjadikan keadaan benda-benda dalam mana ianya berlaku atau yang memberi peluang bagi kejadian atau urusannya, adalah *qarinah*.

Misalan

- (a) Masalah sama ada A melakukan hirabah ke atas B.

Fakta-fakta bahawa tidak lama sebelum rompakkan tersebut B telah pergi ke pasaria dengan membawa wang bersamanya dan bahawa ia telah menunjukkan atau menyatakan bahawa ia memilikinya kepada orang-orang ketiga adalah *qarinah*.

- (b) Masalah sama ada A membunuh B.

Tanda-tanda di atas tanah hasil dari suatu pergelutan di tempat atau dekat tempat di mana pembunuhan tersebut telah dilakukan adalah *qarinah*.

- (c) Masalah sama ada A meracun B.

Keadaan kesihatan B sebelum gejala yang disebabkan racun dan kebiasaan B yang diketahui oleh A yang memberi peluang untuk memberikan racun adalah *qarinah*.

Motif, persediaan dan kelakuan yang telah lalu atau yang berikutnya.

11. (1) Mana-mana fakta yang menunjukkan atau menjadikan suatu motif atau persediaan bagi mana-mana fakta persoalan atau fakta yang berkaitan, adalah *qarinah*.

(2) Kelakuan mana-mana pihak atau mana-mana wakil kepada mana-mana pihak dalam mana-mana guaman atau prosiding yang berhubung dengan guaman atau prosiding demikian atau yang berhubung dengan mana-mana fakta persoalan di dalamnya atau berkaitan dengannya, dan kelakuan mana-mana orang yang mana suatu kesalahan terhadapnya adalah tertakluk kepada mana-mana prosiding, adalah *qarinah* jika kelakuan demikian mempengaruhi atau dipengaruhi oleh mana-mana fakta persoalan atau fakta yang berkaitan, dan sama ada ianya telah berlalu atau berikutan dengannya.

Huraian 1. - Perkataan "kelakuan" dalam bab ini tidak termasuk pernyataan-pernyataan kecuali jika pernyataan-pernyataan tersebut disertakan dan menerangkan perbuatan-perbuatan selain daripada pernyataan-pernyataan, tetapi huraian ini hendaklah tidak menyentuh perkaitan pernyataan-pernyataan di bawah mana-mana bab lain dalam Perintah ini.

Huraian 2. - Bila kelakuan mana-mana orang adalah berkaitan, mana-mana pernyataan dibuat kepadanya atau di hadapannya dan dalam pendengarannya yang menyentuh kelakuan demikian, adalah *qarinah*.

Misalan

(a) Masalah sama ada sesuatu dokumen yang tertentu adalah wasiat A.

Fakta-fakta bahawa tidak lama sebelum tarikh wasiat yang dikatakan itu, A telah membuat siasatan ke dalam perkara-perkara kepada mana peruntukan-peruntukan wasiat yang dikatakan itu berkaitan, bahawa ia telah berunding dengan peguam-peguam berhubung dengan membuat wasiat tersebut, dan bahawa ia telah menyebabkan rang-rang bagi wasiat-wasiat yang lain untuk disediakan bagi yang mana ia tidak bersetuju adalah *qarinah*.

(b) A dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Fakta-fakta bahawa setelah berlakunya jenayah yang dikatakan itu A menghilangkan diri atau cuba untuk menyembunyikan benda-benda yang digunakan atau mungkin digunakan dalam melakukannya adalah *qarinah*.

Fakta-fakta yang perlu untuk menerangkan atau memperkenalkan fakta-fakta yang berkaitan adalah *qarinah*.

12. Fakta-fakta yang perlu untuk menerangkan atau memperkenalkan sesuatu fakta persoalan atau fakta yang berkaitan, atau yang menyokong atau mematahkan

sesuatu kesimpulan yang dicadangkan oleh sesuatu fakta persoalan atau fakta yang berkaitan, atau yang menjadikan pengenalan mana-mana benda atau orang yang mana pengenalannya adalah berkaitan, atau menetapkan masa dan tempat di mana sebarang fakta persoalan atau fakta yang berkaitan berlaku atau yang menunjukkan perkaitan pihak-pihak oleh siapa mana-mana fakta demikian diuruskan, adalah *qarinah* sejauh mana ianya diperlukan bagi maksud itu.

Misalan

- (a) Masalah sama ada sesuatu dokumen yang diberikan adalah wasiat A.

Keadaan harta A dan keluarganya pada tarikh wasiat yang dikatakan boleh menjadi *qarinah*.

- (b) A dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Fakta bahawa sebaik sahaja selepas berlakunya jenayah tersebut A menghilangkan diri dari rumahnya, adalah *qarinah* di bawah bab 11 sebagai kelakuan yang berikutan dengan dan menyentuh fakta-fakta persoalan.

Fakta bahawa pada waktu bila ia meninggalkan rumah ia mempunyai urusan yang tiba-tiba dan sangat penting di tempat yang ditujunya, adalah *qarinah* sebagai boleh menerangkan fakta bahawa ia telah meninggalkan rumah dengan tiba-tiba.

Perkara-perkara yang dikatakan atau dilakukan oleh orang yang berpakat jahat berhubung dengan rancangan bersama.

13. Jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dua orang atau lebih telah berpakat jahat bersama untuk melakukan sesuatu kesalahan atau sesuatu perbuatan salah yang boleh diambil tindakan, apa pun yang dikatakan, dibuat atau ditulis oleh salah seorang dari mereka berhubung dengan tujuan demikian mula-mula timbul dari salah seorang daripada mereka, adalah *qarinah* terhadap setiap seorang daripada orang-orang yang dipercayai sebagai berpakat jahat, dan juga bagi maksud membuktikan wujudnya pakatan jahat tersebut sebagai maksud menunjukkan bahawa mana-mana orang demikian adalah suatu pihak di dalamnya.

Bila fakta-fakta boleh menjadi *qarinah*.

14. Fakta-fakta menjadi *qarinah* —

- (a) jika ianya bertentangan dengan mana-mana fakta persoalan atau fakta yang berkaitan;

- (b) jika dengan sendirinya atau berhubung dengan fakta-fakta lain ianya menyebabkan wujudnya atau tidak wujudnya mana-mana fakta persoalan atau fakta yang berkaitan menjadi mungkin atau tidak mungkin.

Misalan

- (a) Masalah sama ada *A* telah melakukan suatu jenayah di Kuala Belait pada suatu hari yang tertentu.

Fakta bahawa pada hari itu *A* berada di Muara adalah *qarinah*.

Fakta bahawa hampir dengan waktu bila kesalahan tersebut telah dilakukan, *A* berada jauh daripada tempat di mana kesalahan tersebut dilakukan, yang menjadikan sangat tidak mungkin, meskipun boleh terjadi, bahawa dia telah melakukannya adalah *qarinah*.

- (b) Masalah sama ada *A* melakukan sesuatu jenayah.

Keadaan-keadaan tersebut merupakan bahawa jenayah tersebut mesti dilakukan sama ada oleh *A*, *B*, *C* atau *D*. Setiap fakta yang menunjukkan bahawa jenayah tersebut tidak dilakukan oleh orang lain dan bahawa ianya tidak dilakukan sama ada oleh *B*, *C* atau *D* adalah *qarinah*.

Dalam guaman-guaman bagi ganti-rugi fakta-fakta yang membolehkan Mahkamah untuk menentukan jumlah adalah *qarinah*.

15. Dalam guaman-guaman di mana ganti-rugi dituntut, mana-mana fakta yang membolehkan Mahkamah untuk menentukan jumlah ganti-rugi yang patut dibayar adalah *qarinah*.

Fakta-fakta berkaitan bila hak atau kebiasaan menjadi persoalan.

16. Jika masalah tersebut adalah mengenai wujudnya mana-mana hak atau kebiasaan, fakta-fakta yang berikut adalah *qarinah* —

- (a) mana-mana urusan dengan mana hak atau kebiasaan yang menjadi persoalan dibuat, dituntut, diubahsuai, diakui, ditegaskan atau dinafikan atau yang berlawanan dengan wujudnya;
- (b) contoh-contoh yang tertentu dalam mana hak atau kebiasaan tersebut dituntut, diakui atau dijalankan atau dalam mana perjalanannya dipertikaikan, ditegas atau diselewengkan.

Fakta-fakta yang menunjukkan wujudnya keadaan fikiran atau badan atau perasaan badan.

17. Fakta-fakta yang menunjukkan wujudnya mana-mana keadaan fikiran, seperti niat, pengetahuan, suci hati, kecuaiian, kegopohan, niat jahat atau niat baik terhadap mana-mana orang tertentu, atau menunjukkan wujudnya mana-mana keadaan badan atau perasaan badan, adalah *qarinah* bila wujudnya mana-mana keadaan fikiran atau badan atau perasaan badan adalah menjadi persoalan atau berkaitan.

Huraian 1. - Suatu fakta berkaitan sebagai menunjukkan wujudnya suatu keadaan jiwa yang berkaitan hendaklah menunjukkan bahawa keadaan fikiran tersebut wujud bukan secara keseluruhannya tetapi berhubung dengan perkara tertentu yang menjadi persoalan.

Huraian 2. - Tetapi jika pada masa perbicaraan seseorang yang dituduh bagi sesuatu kesalahan berlakunya kesalahan yang terdahulu oleh orang yang dituduh itu adalah *qarinah* dalam makna bab ini, sabit kesalahannya yang dahulu hendaklah juga menjadi *qarinah*.

Misalan

(a) Masalah sama ada *A* melakukan penganiayaan terhadap *B* isterinya.

Curahan perasaan mereka di antara satu dengan lain tidak lama sebelum atau selepas penganiayaan yang dikatakan itu adalah *qarinah*.

(b) *A* dibicarakan bagi sesuatu jenayah.

Fakta bahawa ia telah berkata sesuatu menunjukkan niat hendak melakukan jenayah tertentu itu adalah *qarinah*.

Fakta bahawa ia telah berkata sesuatu yang menunjukkan kecenderungan am hendak melakukan jenayah-jenayah kelas itu adalah bukan *qarinah*.

Fakta-fakta yang menunjukkan persoalan sama ada perbuatan secara tidak sengaja atau dengan sengaja.

18. Bila terdapat sesuatu persoalan sama ada sesuatu perbuatan adalah dilakukan secara tidak sengaja atau sengaja atau dilakukan dengan pengetahuan atau niat yang tertentu, fakta bahawa perbuatan demikian menjadikan sebahagian daripada siri-siri kejadian-kejadian yang sama, yang mana di dalam setiap kejadian orang yang sama terlibat, adalah *qarinah*.

Misalan

A telah ditugaskan sebagai amil menerima fitrah daripada orang ramai. Adalah menjadi tugas A untuk membuat catatan dalam sebuah buku yang menunjukkan jumlah yang telah diterimanya. Dia membuat suatu catatan yang menunjukkan bahawa pada suatu ketika ia telah menerima jumlah yang kurang daripada apa yang sebenarnya diterima.

Masalah sama ada catatan palsu ini adalah telah dibuat secara tidak sengaja atau dengan sengaja.

Fakta-fakta bahawa catatan-catatan lain yang telah dibuat oleh A dalam buku yang sama adalah palsu, dan bahawa catatan-catatan palsu tersebut dalam setiap kejadian adalah untuk kepentingan A adalah *qarinah*.

Wujudnya perjalanan urusan bila menjadi *qarinah*.

19. Bila terdapat sesuatu persoalan sama ada sesuatu perbuatan tertentu dilakukan, wujudnya sebarang urusan, mengikut bagaimana ianya biasanya dilakukan, adalah *qarinah*.

Misalan

(a) Masalah sama ada sesuatu surat yang tertentu telah dihantar.

Fakta-fakta bahawa ianya adalah perjalanan biasa urusan bagi semua surat yang disimpan di suatu tempat yang tertentu untuk dibawa ke pejabat pos, dan bahawa surat yang tertentu itu telah disimpan di tempat itu, adalah *qarinah*.

(b) Masalah sama ada sesuatu surat yang tertentu telah sampai kepada A.

Fakta-fakta bahawa ianya telah diposkan dengan cara yang sepatutnya dan tidak dikembalikan oleh Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pos adalah *qarinah*.

IKRAR

Ta'arif *ikrar*.

20. *Ikrar* ialah pernyataan seseorang tentang sesuatu hak orang lain ke atasnya yang dibuat secara lisan, tulisan atau isyarat dan yang dibuat oleh mana-mana orang dan di dalam mana-mana keadaan yang disebutkan kemudian daripada ini.

Penerimaan *ikrar*.

21. (1) *Ikrar* yang dibuat oleh seseorang adalah mengikat orang yang membuat *ikrar* tersebut. Bila *ikrar* itu diterima oleh Mahkamah ianya tidak boleh ditarik balik kecuali dalam kes zina untuk mensabitkan hukuman *hadd*.

(2) *Ikrar* yang dibuat di luar Mahkamah hanya boleh diterima jika dibuat di hadapan 2 orang saksi '*adil*.

(3) *Ikrar* wakil dalam prosiding bagi pihak orang yang memberi wakil yang dibuat di hadapan Hakim boleh diterima.

***Ikrar* bukti muktamad terhadap orang yang *berikrar*.**

22. *Ikrar* adalah bukti muktamad terhadap orang yang *berikrar* dan bukanlah bukti ke atas mana-mana orang lain termasuklah orang yang sama-sama tertuduh dalam tuduhan yang sama dengan pembuat *ikrar* itu.

Huraian. - *Ikrar* rakan sejenayah boleh diterima sebagai keterangan tetapi ia tidak boleh dijadikan sebagai asas pensabitan kesalahan rakan sejenayahnya melainkan ia disokong oleh keterangan-keterangan lain.

Syarat-syarat *ikrar*.

23. (1) Pembuat *ikrar* hendaklah seorang yang '*akil* dan *baligh*.

(2) Kecuali diperuntukkan sebaliknya, *ikrar* berikut hendaklah tidak boleh diterima -

(a) *ikrar* seorang kanak-kanak yang belum *baligh*;

(b) *ikrar* seorang gila dan seorang yang terencat akal (*ma'tuh*); dan

(c) *ikrar* wali, atau wasi bagi orang jagaan atau tanggungan mereka.

(3) *Ikrar* seorang kanak-kanak *mumaiyiz* yang telah diberi kebenaran oleh wali atau penjaganya untuk menjalankan perniagaan atau urusan dengan orang ramai hendaklah dianggap sebagai *ikrar* seorang dewasa dan hendaklah diterima sebagai sah.

Huraian. - *Ikrar* kanak-kanak tersebut yang telah diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan atau berurusan dengan orang ramai hendaklah dianggap seorang dewasa dalam hal berkaitan dengan perniagaan dan urusan seperti hutang, amanah, '*ariyah*, *mudharabah* dan sebagainya, akan tetapi hendaklah tidak diterima di dalam perkara berhubung dengan *mahr*, *jinayat* dan *kafalah*.

(4) Pihak yang mendapat faedah dari *ikrar* tidaklah disyaratkan seorang yang '*akil* dan *baligh*.

Huraian. - Jika seseorang pembuat *ikrar* berkata sesuatu benda atau harta itu adalah bagi faedah seseorang kanak-kanak yang belum *mumaiyiz*, *ikrarnya* itu adalah layak diterima dan pembuat *ikrar* itu adalah terikat dengan *ikrarnya*.

(5) Sesuatu *ikrar* hendaklah dibuat secara mutlak dan dengan rela hati tanpa paksaan dan tiada tohmah.

Huraian. - *Ikrar* yang dibuat kerana ugutan, pujukan atau janji adalah tidak diterima.

(6) Pembuat *ikrar* hendaklah melakukan *ikrarnya* secara bersungguh-sungguh.

(7) Pembuat *ikrar* hendaklah dimaklumi dan dikenal pasti.

(8) Pembuat *ikrar* hendaklah memaklumi perkara yang *diikrarkannya*.

(9) Pembuat *ikrar* hendaklah terdiri dari orang yang tidak *mahjur 'alaih*.

(10) *Ikrar* yang dibuat dalam keadaan mabuk tidak boleh diterima dalam kes-kes yang boleh dikenakan hukuman *hudud* menurut *Hukum Syara'*.

(11) *Ikrar* di dalam Mahkamah yang dibuat oleh orang pekak atau bisu jika ia boleh menulis melalui tulisan atau melalui isyarat-isyarat yang boleh difahami adalah diterima kecuali bagi kes-kes *hudud*.

(12) *Ikrar* seseorang yang berada dalam keadaan *marad al-maut* mengenai hak orang lain ke atasnya boleh diterima mengikut *Hukum Syara'*.

***Ikrar* untuk mensabitkan kesalahan zina.**

24. *Ikrar* di dalam kes zina untuk mensabitkan hukuman *hadd* hanya boleh diterima jika —

(a) dibuat di hadapan Mahkamah;

(b) dibuat secara lisan;

(c) jelas maksudnya bagi menerangkan mengenai berlakunya persetubuhan; dan

(d) dibuat empat kali dalam empat sidang yang berasingan.

Penarikan balik *ikrar* zina dan akibatnya.

25. (1) Sesuatu *ikrar* dalam kes zina boleh ditarik balik —

- (a) sebelum pensabitan hukuman;
- (b) selepas pensabitan hukuman tetapi sebelum pelaksanaan hukuman; atau
- (c) semasa hukuman dilaksanakan.

(2) Dalam kes zina yang boleh dikenakan hukuman *hadd*, jika *ikrar* ditarik balik —

- (a) pada mana-mana peringkat seperti dalam cerai (1), penarikan balik *ikrar* itu hendaklah diterima;
- (b) sebelum hukuman dilaksanakan ke atas pembuat *ikrar*, maka tertuduh itu tidaklah lagi boleh dikenakan hukuman itu;
- (c) ketika ia sedang menjalani hukuman, maka pelaksanaan hukuman itu hendaklah dengan serta-merta diberhentikan.

**PERNYATAAN-PERNYATAAN OLEH ORANG-ORANG YANG
TIDAK BOLEH DIPANGGIL SEBAGAI SAKSI**

Kes-kes dalam mana pernyataan mengenai fakta berkaitan oleh seseorang yang telah meninggal dunia atau tidak dijumpai, dan sebagainya adalah *qarinah*.

26. (1) Pernyataan-pernyataan, secara bertulis atau perkataan, mengenai fakta-fakta berkaitan yang dibuat oleh seseorang yang telah meninggal dunia atau yang telah tidak dapat dijumpai, atau yang telah menjadi tidak berupaya memberi keterangan, atau yang mana kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelambatan atau perbelanjaan yang pada pendapat Mahkamah adalah tidak munasabah dalam keadaan kes tersebut, adalah *qarinah* dalam kes-kes berikut —

- (a) bila pernyataan itu dibuat oleh seseorang mengenai sebab kematiannya atau mengenai sebarang keadaan kejadian yang menyebabkan kematian orang itu menjadi persoalan.

Pernyataan-pernyataan demikian adalah berkaitan sama ada pada masa pernyataan itu dibuat, orang yang membuatnya itu menjangkakan atau tidak menjangkakan ia akan mati, dan apa jua pun jenis prosiding dalam mana sebab kematiannya menjadi persoalan;

- (b) bila pernyataan itu telah dibuat oleh orang itu dalam perjalanan biasa urusan, dan terutama sekali bila mengandungi sebarang

catatan atau memorandum yang dibuat olehnya dalam buku-buku yang disimpan dalam perjalanan biasa urusan atau dalam melaksanakan tugas ikhtisas; atau mengenai sesuatu pengakuan yang ditulis atau ditandatangani olehnya berkenaan dengan penerimaan wang barang-barang cagaran atau apa jua harta; atau mengenai sesuatu dokumen yang digunakan dalam perdagangan yang ditulis atau ditandatangani olehnya, atau mengenai tarikh satu surat atau dokumen lain yang biasanya diberi tarikh, ditulis atau ditandatangani olehnya;

- (c) bila pernyataan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan kewangan atau kepentingan kepunyaan orang yang membuatnya, atau bila, jika benar, ianya mendedahkan atau akan mendedahkannya kepada suatu pendakwaan jenayah atau kepada suatu guaman ganti-rugi;
- (d) bila pernyataan tersebut memberi pendapat bagi mana-mana orang tertentu mengenai dengan wujudnya sebarang hak awam atau kebiasaan atau suatu perkara yang mempunyai kepentingan am yang mana tentang wujudnya itu, jika ia wujud orang itu mungkin telah tahu, dan bila pernyataan itu telah dibuat sebelum timbul apa-apa perbalahan tentang hak, kebiasaan atau perkara yang mempunyai kepentingan am itu;
- (e) bila pernyataan itu berhubung dengan wujudnya mana-mana pertalian nasab, pertalian perkahwinan atau pertalian susuan di antara orang-orang yang berkenaan yang mana orang-orang yang membuat pernyataan tersebut mempunyai cara-cara yang khas untuk mengetahui pertalian tersebut dan pernyataan tersebut dibuat sebelum persoalan yang dipertikaikan itu ditimbulkan;
- (f) bila pernyataan tersebut berhubung dengan wujudnya pertalian nasab, pertalian perkahwinan atau pertalian susuan antara orang-orang yang telah meninggal dunia dan pernyataan tersebut dibuat dalam mana-mana wasiat atau suratikatan berhubung dengan urusan keluarga orang yang meninggal dunia, atau dalam mana-mana salasilah keluarga atau di atas mana-mana batu nisan, gambar keluarga atau benda lain dalam mana pernyataan-pernyataan demikian biasanya dibuat, dan bila pernyataan demikian dibuat sebelum persoalan yang dipertikaikan itu ditimbulkan;
- (g) bila pernyataan tersebut terkandung dalam mana-mana suratikatan atau dokumen yang berhubung dengan mana-mana urusan sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (a) bab 16;

- (h) bila pernyataan tersebut dibuat oleh sebilangan orang dan menyatakan perasaan atau sangkaan mereka berkaitan dengan perkara yang menjadi persoalan itu.

Misalan

- (a) Masalah sama ada *A* telah dibunuh oleh *B*; atau *A* meninggal dunia dari bencana yang didapatinya dalam suatu kejadian dalam mana ia telah diperkosa.

Masalahnya ialah sama ada *A* telah diperkosa oleh *B*; atau

Masalahnya sama ada *A* telah dibunuh oleh *B* dalam hal keadaan yang membolehkan balu *A* membawa suatu guaman terhadap *B*.

Pernyataan *A* sebelum meninggal dunia adalah *qarinah*.

- (b) Masalah mengenai dengan tarikh kelahiran *A*.

Suatu catatan dalam buku harian seorang doktor yang telah mati, iaitu buku harian yang lazimnya diselenggarakan dalam perjalanan urusan, menyatakan bahawa pada suatu hari tertentu ia telah merawat ibu *A* dan membantunya melahirkan seorang anak lelaki, adalah *qarinah*.

- (c) Masalah sama ada suatu akad nikah telah dilakukan di luar negara pada suatu hari tertentu.

Suatu surat yang telah ditulis oleh seorang yang telah meninggal dunia yang menyatakan bahawa ianya telah bernikah seorang lagi dengan perempuan di luar negara dengan tidak mengikut peraturan lazim adalah *qarinah*.

- (d) Masalah sama ada *A* dan *B* telah berkahwin dengan sah.

Pernyataan daripada seorang Kadi yang telah meninggal dunia bahawa ia telah mengahwinkan mereka dalam keadaan mana upacara tersebut tidak sah adalah *qarinah*.

- (e) Masalahnya ialah, bilakah tarikh lahir *A*?

Sepucuk surat daripada bapa *A* yang telah meninggal dunia kepada seorang kawan yang memaklumkan kelahiran *A* pada suatu hari yang ditentukan, adalah *qarinah*.

- (f) Masalah sama ada dan bila *A* dan *B* berkahwin.

Suatu catatan dalam buku memorandum oleh *C*, bapa kepada *B* yang telah meninggal dunia, mengenai dengan perkahwinan anak perempuannya dengan *A* pada suatu tarikh yang ditentukan, adalah *qarinah*.

(g) Masalah sama ada sebidang tanah itu adalah tanah wakaf.

Suatu catatan di dalam buku peringatan seorang Imam masjid di qariah tertentu yang telah meninggal dunia bahawa sebidang tanah tertentu itu adalah tanah wakaf, adalah *qarinah*.

(h) Masalah sama ada *A* dan *B* telah hidup bersama dan mempunyai beberapa anak di sebuah kampung.

Anggapan orang-orang kampung bila ditanya bahawa kedudukan mereka adalah suami isteri.

Pernyataan orang-orang kampung ini adalah *qarinah*.

(2) Keterangan mengenai pernyataan tersebut tidak boleh diterima untuk mensabitkan kes-kes *hudud* dan *qisas* menurut *Hukum Syara'*.

(3) Keterangan mengenai pernyataan itu sahaja tidak boleh diterima di dalam kes-kes berikut —

(a) bila orang yang membuat pernyataan itu hilang kelayakannya untuk memberi keterangan;

(b) bila orang yang membuat pernyataan itu enggan memberi keterangan dengan alasan ia tidak ada keterangan hendak diberikan berkaitan dengan hal yang dipertikaikan atau ia tidak membuat pernyataan itu atau ia telah membuat kesilapan berhubung dengan pernyataannya.

Perkaitan keterangan tertentu untuk membuktikan dalam perbicaraan yang terkemudian tentang kebenaran fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya.

27. Keterangan yang diberi oleh seseorang saksi semasa prosiding kehakiman, atau di hadapan mana-mana orang yang dibenarkan oleh undang-undang mengambil keterangan itu, adalah berkaitan bagi maksud membuktikan dalam suatu prosiding kehakiman yang terkemudian, atau pada suatu peringkat yang terkemudian dalam prosiding kehakiman itu juga, kebenaran fakta-fakta yang dinyatakan, bila saksi itu telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai atau tidak berkeupayaan untuk memberi keterangan, atau disembunyikan oleh pihak yang bertentangan, atau jika kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelambatan atau perbelanjaan yang mana pada pendapat Mahkamah adalah tidak munasabah dalam keadaan kes tersebut —

Dengan syarat bahawa —

- (a) prosiding tersebut adalah di antara pihak-pihak yang sama atau wakil-wakil mereka yang ada kepentingan;
- (b) pihak yang berlawanan di dalam prosiding yang pertama mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa balas;
- (c) persoalan-persoalan adalah sama pada keseluruhannya di dalam prosiding yang kedua dengan prosiding yang pertama.

Huraian. - Sesuatu perbicaraan atau siasatan jenayah hendaklah dianggap sebagai suatu prosiding di antara pendakwa dan orang tertuduh di dalam makna bab ini.

PERNYATAAN-PERNYATAAN YANG DIBUAT DI BAWAH KEADAAN-KEADAAN KHAS

Catatan-catatan dalam buku-buku akaun bila berkenaan.

28. Catatan-catatan dalam buku-buku akaun yang disimpan dengan tepat dalam perjalanan urusan adalah *qarinah* bila mana ianya merujuk kepada suatu perkara yang disiasat oleh Mahkamah, tetapi catatan itu sahaja dengan sendirinya adalah bukan menjadi keterangan yang mencukupi untuk mengenakan apa-apa tanggungan ke atas seseorang.

Perkaitan catatan dalam rekod awam yang dibuat dalam melaksanakan tugas.

29. Suatu catatan dalam mana-mana buku awam atau buku rasmi yang lain, daftar atau rekod, yang menyatakan sesuatu fakta persoalan atau fakta yang berkaitan dan dibuat oleh seorang pegawai Kerajaan pada menjalankan tugas rasminya atau oleh mana-mana orang lain dalam melaksanakan suatu tugas yang disuruh dengan khasnya oleh undang-undang negara dalam mana buku, daftar atau rekod tersebut disimpan sendirinya adalah *qarinah*.

Kebolehterimaan pernyataan-pernyataan yang dikemukakan melalui komputer.

30. (1) Dalam sebarang prosiding, suatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen yang dikemukakan melalui komputer boleh diterima sebagai keterangan mengenai sebarang fakta yang dinyatakan di dalamnya di mana keterangan lisan secara langsung boleh diterima, jika dibuktikan bahawa syarat-syarat yang disebutkan dalam ceraiian (2) dipenuhi berhubung dengan pernyataan dan komputer berkenaan.

(2) Syarat-syarat itu adalah —

- (a) bahawa dokumen yang mengandungi pernyataan itu dikemukakan melalui komputer dalam suatu tempoh selama komputer itu digunakan selalunya untuk menyimpan atau memproses maklumat bagi maksud-maksud sebarang kegiatan yang selalunya dijalankan sepanjang tempoh tersebut, sama ada untuk keuntungan atau tidak, oleh mana-mana badan, sama ada perbadanan atau tidak, atau oleh mana-mana individu;
- (b) bahawa dalam tempoh tersebut selalunya ada dibekalkan kepada komputer itu dalam perjalanan biasa kegiatan-kegiatan tersebut jenis maklumat yang terkandung dalam pernyataan itu atau jenis maklumat yang darinya maklumat yang terkandung itu diperolehi;
- (c) bahawa sepanjang bahagian mustahak tempoh tersebut komputer itu dikendalikan dengan sewajarnya atau, jika tidak, bahawa sebarang hal di mana komputer itu tidak dikendalikan dengan sewajarnya atau tanpa dikendalikan dalam bahagian mustahak tempoh tersebut tidak sedemikian rupa sehingga menjejaskan pengemukaan dokumen itu atau ketepatan isi kandungannya; dan
- (d) bahawa maklumat yang terkandung dalam pernyataan itu mengemukakan semula atau diperolehi dari maklumat yang dibekalkan kepada komputer itu dalam perjalanan biasa kegiatan-kegiatan tersebut.

(3) Jika dalam suatu tempoh tugas menyimpan atau memproses maklumat bagi maksud-maksud sebarang kegiatan yang selalunya dijalankan dalam tempoh itu sebagaimana yang disebutkan dalam ceraihan (2)(a) selalunya dilaksanakan melalui komputer, sama ada —

- (a) dengan gabungan komputer yang dikendalikan dalam tempoh tersebut;
- (b) dengan komputer-komputer berlainan yang dikendalikan terus-menerus dalam tempoh tersebut;
- (c) dengan gabungan komputer yang berlainan yang dikendalikan terus-menerus dalam tempoh tersebut; atau
- (d) dalam sebarang cara lain yang membabitkan pengendalian terus-menerus dalam tempoh tersebut, dalam apa pun susunannya, satu komputer atau lebih dan satu gabungan komputer atau lebih,

semua komputer yang digunakan bagi maksud itu dalam tempoh tersebut hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Perintah ini sebagai

merupakan komputer tunggal dan sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada suatu komputer hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

(4) Dalam sebarang prosiding jika suatu pernyataan dikehendaki untuk diberikan sebagai keterangan menurut bab ini, suatu perakuan kerana melakukan mana-mana hal yang berikut —

- (a) mengenalpasti dokumen yang mengandungi pernyataan itu dan menyatakan cara bagaimana ia dikemukakan;
- (b) memberikan butir-butir sebarang alat yang terlibat dalam pengemukaan dokumen itu yang mungkin bersesuaian bagi maksud membuktikan bahawa dokumen tersebut dikemukakan melalui suatu komputer;
- (c) berhubung dengan sebarang perkara yang dimaksudkan dalam syarat-syarat yang disebutkan dalam ceraiian (2),

dan dikatakan ditandatangani oleh seseorang yang memegang suatu jawatan yang ada tanggungjawab berkenaan dengan pengendalian alat yang berkaitan atau pengurusan kegiatan-kegiatan yang berkaitan (mengikut mana yang bersesuaian) hendaklah menjadi keterangan sebarang perkara yang dinyatakan dalam perakuan itu; dan bagi maksud-maksud ceraiian ini adalah mencukupi bagi sesuatu perkara dinyatakan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan orang yang menyatakannya.

(5) Dengan tidak menghiraukan ceraiian (4), dalam sebarang prosiding yang disebutkan di dalamnya Mahkamah boleh atas alasan yang khas menghendaki supaya keterangan lisan diberikan mengenai sebarang perkara di mana keterangan biasanya boleh diberikan dengan suatu perakuan di bawah ceraiian tersebut.

(6) Jika mana-mana orang dalam suatu perakuan yang diberikan sebagai keterangan dalam sebarang prosiding menurut ceraiian (4) dengan sengaja membuat suatu pernyataan yang mustahak dalam prosiding tersebut yang diketahuinya sebagai palsu atau yang dipercayainya sebagai tidak benar, ia adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah bila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 2 tahun, dikenakan suatu denda atau kedua-duanya sekali.

(7) Bagi maksud-maksud Perintah ini —

- (a) maklumat hendaklah dianggap sebagai dibekalkan kepada suatu komputer jika ia dibekalkan kepadanya dalam sebarang bentuk yang bersesuaian dan sama ada ia dibekalkan secara langsung atau (dengan atau tanpa campurtangan manusia) melalui sebarang peralatan yang bersesuaian;
- (b) jika semasa menjalankan kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan oleh mana-mana individu atau badan, sama ada perbadanan atau tidak,

maklumat dibekalkan dengan tujuan untuk disimpan atau diproses bagi maksud kegiatan-kegiatan tersebut melalui suatu komputer yang dikendalikan melainkan semasa menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut, maklumat itu, jika sempurna dibekalkan kepada komputer tersebut, hendaklah dianggap sebagai dibekalkan kepadanya semasa menjalankan kegiatan-kegiatan tersebut;

(c) suatu dokumen hendaklah dianggap telah dikemukakan melalui suatu komputer sama ada dokumen itu dikemukakan melaluinya secara langsung atau (dengan atau tanpa campurtangan manusia) melalui sebarang peralatan yang bersesuaian.

(8) Tertakluk kepada ceraihan (3), dalam Perintah ini "komputer" bermakna sebarang alat untuk menyimpan dan memproses maklumat, dan sebarang sebutan kepada maklumat yang diperolehi dari maklumat lain adalah sebutan kepada maklumat yang diperolehi darinya dengan cara pengiraan, perbandingan atau sebarang proses lain.

Peruntukan-peruntukan tambahan kepada bab 30.

31. (1) Jika dalam sebarang prosiding suatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen boleh diterima sebagai keterangan menurut bab 30, ia boleh dibuktikan dengan mengemukakan dokumen tersebut atau (sama ada atau tidak dokumen tersebut masih ada) dengan mengemukakan satu salinan dokumen tersebut, atau bahagiannya yang mustahak, yang disahkan mengikut cara sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Mahkamah.

(2) Bagi maksud memutuskan sama ada atau tidak suatu pernyataan boleh diterima sebagai keterangan menurut bab 30, Mahkamah boleh membuat sebarang kesimpulan yang munasabah dari hal keadaan bagaimana pernyataan itu dibuat ataupun sebaliknya mula wujud atau dari sebarang hal keadaan lain, termasuk, dalam hal suatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen tersebut.

(3) Dalam menganggarkan nilai, jika ada, yang hendak diberikan kepada suatu pernyataan yang boleh diterima sebagai keterangan menurut bab 30, perhatian hendaklah diberikan kepada semua hal keadaan yang darinya sebarang kesimpulan boleh dibuat dengan munasabah tentang ketepatan pernyataan itu ataupun sebaliknya dan, khususnya, tentang persoalan sama ada atau tidak maklumat yang disalin atau diperolehi dari maklumat yang terkandung dalam pernyataan itu dibekalkan kepada komputer yang berkaitan, atau direkodkan bagi maksud untuk dibekalkan kepadanya, serentak dengan berlakunya atau adanya fakta-fakta yang diperkatakan dengan maklumat tersebut, dan tentang persoalan sama ada atau tidak mana-mana orang berkaitan dengan pembekalan maklumat kepada komputer tersebut atau pengendalian komputer tersebut atau sebarang peralatan yang dengannya dokumen yang mengandungi pernyataan itu dikemukakan melaluinya, mempunyai sebarang dorongan untuk menyembunyikan atau menyalah nyatakan fakta-fakta itu.

Perkaitan pernyataan dalam peta, carta dan pelan.

32. Pernyataan-pernyataan bagi fakta-fakta yang menjadi persoalan atau fakta-fakta yang berkaitan dalam peta-peta atau carta-carta yang disiarkan yang ditawarkan umumnya bagi jualan awam, atau dalam peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat di bawah kebenaran Kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara yang biasanya diterangkan atau dinyatakan dalam peta-peta, carta-carta atau pelan-pelan demikian, sendirinya adalah *qarinah*.

Perkaitan pernyataan-pernyataan dengan fakta yang terkandung dalam undang-undang dan pemberitahuan tertentu.

33. Bila Mahkamah perlu membuat suatu pendapat berkenaan dengan wujudnya mana-mana fakta mengenai perkara awam, mana-mana pernyataan mengenainya yang dibuat dan terkandung dalam mana-mana undang-undang yang dibuat di Negara Brunei Darussalam dan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* adalah *qarinah*.

Perkaitan pernyataan-pernyataan mengenai dengan mana-mana undang-undang yang terkandung dalam buku-buku undang-undang.

34. Bila Mahkamah perlu membuat suatu pendapat berkenaan dengan suatu undang-undang mana-mana negara atau wilayah, mana-mana pernyataan mengenai undang-undang yang terkandung dalam sebuah buku yang merupakan sebagai dicetak atau disiarkan di bawah kebenaran Kerajaan negara atau wilayah tersebut, dan mengandungi undang-undang demikian, dan mana-mana laporan mengenai keputusan dari mahkamah-mahkamah negara atau wilayah tersebut yang terkandung dalam sebuah buku yang merupakan sebagai suatu laporan mengenai keputusan-keputusan demikian, adalah *qarinah*.

SEBANYAK MANA PERNYATAAN DIKEHENDAKI DIBUKTIKAN

Apa keterangan dikehendaki diberi bila pernyataan ialah daripada percakapan, dokumen, buku atau siri-siri surat atau kertas.

35. Bila sesuatu pernyataan yang keterangan mengenainya ada diberi ialah sebahagian daripada suatu pernyataan yang lebih panjang atau sebahagian daripada suatu percakapan, atau sebahagian daripada suatu dokumen yang terasing atau ada terkandung dalam dokumen yang menjadi sebahagian daripada sebuah buku atau sebahagian siri surat atau kertas yang berhubung, maka keterangan hendaklah diberi mengenai hanya sekian banyak sahaja daripada pernyataan, percakapan, dokumen, buku, siri-siri surat atau kertas itu sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Mahkamah dalam kes berkenaan itu untuk memahami dengan sepenuhnya tentang jenis dan natijah pernyataan itu dan juga tentang keadaan dalam mana pernyataan itu telah dibuat.

PENGHAKIMAN MAHKAMAH Keadilan bila Berkaitan

Penghakiman, perintah atau dekri dahulu adalah berkaitan bagi menahan guaman atau perbicaraan yang kedua.

36. Wujudnya sesuatu penghakiman, perintah atau dekri yang pada sisi undang-undang menahan mana-mana Mahkamah daripada mengambil tahu tentang sesuatu guaman atau daripada mengadakan sesuatu perbicaraan adalah suatu fakta berkaitan bila masalahnya ialah sama ada Mahkamah itu patut mengambil tahu tentang guaman itu ataupun mengadakan perbicaraan itu.

Perkaitan sesuatu penghakiman dalam bidangkuasa pengesahan wasiat dan sebagainya.

37. (1) Sesuatu penghakiman, perintah atau dekri daripada Mahkamah yang layak pada menjalankan bidangkuasa probet, hal ehwal perkahwinan, admiralti atau kebangkrapan yang memberikan kepada atau melucutkan daripada mana-mana orang sesuatu taraf di sisi undang-undang atau yang menetapkan mana-mana orang sebagai berhak kepada taraf itu, atau berhak kepada sesuatu benda khusus, bukan terhadap mana-mana orang tertentu tetapi secara mutlak, adalah berkaitan bila wujudnya sebarang taraf di sisi undang-undang itu atau hakmilik mana-mana orang itu ke atas apa-apa benda itu adalah berkaitan.

(2) Penghakiman, perintah atau dekri itu adalah bukti muktamad —

- (a) bahawa mana-mana taraf di sisi undang-undang yang terakru kepadanya pada waktu penghakiman, perintah atau dekri itu mula berkuatkuasa;
- (b) bahawa mana-mana taraf disisi undang-undang yang seseorang ditetapkannya sebagai berhak adalah terakru berada bagi orang itu pada waktu ianya ditetapkan berada bagi orang itu oleh penghakiman, perintah atau dekri itu;
- (c) bahawa mana-mana taraf di sisi undang-undang yang dilucutkannya daripada seseorang terhenti pada waktu ianya ditetapkan telah berhenti atau akan tetap berhenti oleh penghakiman, perintah atau dekri itu; dan
- (d) bahawa mana-mana yang seseorang ditetapkan sebagai berhak adalah harta orang-orang itu pada waktu ianya ditetapkan telah menjadi atau akan tetap menjadi harta orang itu oleh penghakiman, perintah atau dekri itu.

Perkaitan dan kesan penghakiman, perintah atau dekri yang lain daripada yang tersebut dalam bab 37.

38. Penghakiman-penghakiman, perintah-perintah atau dekri-dekri yang lain daripada yang tersebut dalam bab 37 adalah berkaitan jika ianya berkenaan dengan perkara-perkara awam yang berkaitan dengan mana-mana siasatan; akan tetapi penghakiman-penghakiman, perintah-perintah atau dekri-dekri itu bukanlah, bukti muktamad mengenai apa yang dinyatakannya itu.

Misalan

A mendakwa B kerana menceroboh di atas tanahnya. B mengatakan wujudnya suatu hak awam bagi jalan di atas tanah tersebut yang mana dinafikan oleh A.

Wujudnya suatu dekri yang menyokong pihak yang kena tuntutan dalam suatu guaman oleh A terhadap C kerana menceroboh atas tanah yang sama dalam mana C mengatakan wujudnya hak jalan yang sama adalah berkaitan, tetapi ianya adalah bukan bukti muktamad bahawa hak jalan tersebut wujud.

Bila penghakiman, perintah atau dekri selain daripada yang tersebut dalam bab-bab 36 hingga 38 berkaitan.

39. Penghakiman-penghakiman, perintah-perintah atau dekri-dekri yang lain daripada yang tersebut dalam bab-bab 36 hingga 38 tidaklah berkaitan kecuali kewujudan penghakiman-penghakiman, perintah-perintah atau dekri-dekri itu adalah suatu fakta persoalan atau berkaitan menurut peruntukan lain dalam Perintah ini.

Misalan

- (a) A dan B mendakwa C secara berasingan bagi suatu fitnah bertulis yang mencela setiap orang daripada mereka. C dalam setiap kes mengatakan bahawa perkara yang dikatakan fitnah itu adalah benar, dan keadaan-keadaan merupakan bahawa ianya mungkin benar dalam setiap kes atau kedua-duanya tidak benar.

A memperolehi suatu dekri terhadap C bagi ganti-rugi dengan alasan bahawa C gagal menjalankan apa yang sepatutnya. Fakta tersebut adalah tidak berkaitan sebagaimana di antara B dan C.

- (b) A telah memperolehi suatu dekri bagi pemilikan tanah terhadap B. C, anak lelaki B, membunuh A akibatnya.

Wujudnya hukuman tersebut adalah berkaitan sebagai menunjukkan motif suatu jenayah.

- (c) A dituduh mencuri dan dahulunya pernah disabitkan kesalahan mencuri.

Sabitkan kesalahan yang terdahulu adalah berkaitan sebagai suatu fakta persoalan.

- (d) A dibicarakan kerana membunuh B. Fakta bahawa B mendakwa A bagi fitnah bertulis dan bahawa A disabitkan kesalahan dan dihukum adalah berkaitan di bawah bab 11 sebagai menunjukkan motif bagi fakta persoalan.

Tipu atau pakatan bagi mendapatkan penghakiman atau ketidaklayakan Mahkamah boleh dibuktikan.

40. Mana-mana pihak dalam mana-mana guaman atau lain-lain prosiding boleh menunjukkan bahawa sesuatu penghakiman, perintah atau dekri yang berkaitan di bawah bab-bab 36 hingga 38 dan yang telah dibuktikan oleh pihak lawan, telah dibuat oleh Mahkamah yang tidak layak membuatnya ataupun telah didapati dengan cara tipu atau pakatan.

PENDAPAT-PENDAPAT ORANG-ORANG KETIGA BILA BERKAITAN

Pendapat pakar.

41. (1) Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atau mana-mana perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab, maka pendapat atas perkara itu dari pakar-pakar dalam undang-undang negara asing, sains atau seni itu atau dalam soal pengenalan atau ketulinan tulisan tangan atau cap jari atau tentang bentuk menentukan nasab, adalah *qarinah*.

- (2) Orang yang seumpama itu adalah dinamakan pakar.

Misalan

- (a) Masalah sama ada kematian A disebabkan racun.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar mengenai dengan gejala-gejala racun dengan mana A disangka telah meninggal dunia adalah *qarinah*.

- (b) Masalah sama ada A, pada waktu melakukan suatu perbuatan tertentu, dengan sebab ketidaksempurnaan akal, tidak boleh mengetahui sifat perbuatan tersebut atau apa yang dilakukannya sama ada adalah salah atau bertentangan dengan undang-undang.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar terhadap masalah sama ada gejala-gejala yang ditunjukkan oleh A biasanya menunjukkan ketidaksempurnaan akal, dan sama ada ketidaksempurnaan akal demikian biasanya membuat orang-orang tidak boleh mengetahui sifat perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan atau mengetahui bahawa apa yang mereka lakukan itu sama ada adalah salah atau bertentangan dengan undang-undang, adalah *qarinah*.

- (c) Masalah sama ada sesuatu dokumen telah ditulis oleh A. Satu dokumen lain dikemukakan yang mana dibuktikan atau diakui telah ditulis oleh A.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar mengenai dengan masalah sama ada kedua-dua dokumen tersebut telah ditulis oleh orang yang sama atau berlainan orang adalah *qarinah*.

(3) 2 orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan jika ada tetapi jika tidak terdapat 2 orang pakar maka keterangan seorang pakar adalah memadai. Jika pendapat 2 orang pakar bertentangan maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberi keterangan.

Fakta mengenai pendapat pakar.

42. Fakta-fakta yang sebaliknya tidak berkaitan adalah berkaitan jika ianya menyokong atau tidak selaras dengan pendapat pakar bila pendapat itu berkaitan.

Misalan

- (a) Masalah sama ada A diracun oleh sesuatu racun yang tertentu.

Fakta bahawa orang-orang lain yang diracuni oleh racun tersebut menunjukkan gejala-gejala yang tertentu, yang mana diakui atau dinafikan oleh pakar-pakar sebagai gejala-gejala racun itu, adalah *qarinah*.

- (b) Masalah sama ada suatu halangan kepada sebuah pelabuhan disebabkan oleh suatu dinding laut yang tertentu.

Fakta bahawa pelabuhan-pelabuhan lain yang terletak dengan samanya dalam hal-hal lain tetapi di mana tidak terdapat dinding-dinding laut demikian mulai terhalang pada waktu yang sama adalah *qarinah*.

Bila pendapat tentang tulisan tangan adalah *qarinah*.

43. Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang siapakah orang yang telah menulis atau menandatangani sesuatu dokumen, maka pendapat seseorang yang biasa dengan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menulis

atau menandatangani dokumen itu, bahawa dokumen itu telah ditulis atau tidak ditulis atau ditandatangani oleh orang itu, adalah *qarinah*.

Huraian. – Seseorang adalah dikatakan biasa dengan tulisan tangan seseorang lain bila ia telah melihat orang itu menulis, atau bila ia telah menerima dokumen yang berupa sebagai ditulis oleh orang itu bagi menjawab dokumen yang telah ditulis sama ada olehnya sendiri atau dengan kuasanya dan dialamatkan kepada orang itu, atau bila dalam perjalanan urusan biasanya, dokumen yang berupa sebagai ditulis oleh orang itu lazimnya dihantar kepadanya.

Misalan

Masalah sama ada suatu surat yang tertentu daripada A kepada isterinya adalah ditulis oleh A.

Keterangan diberi oleh B, setiausaha A yang tugasnya memeriksa dan menyimpan dalam fail persuratan A.

Pendapat B mengenai dengan masalah sama ada surat itu adalah dalam tulisan tangan A adalah berkaitan walaupun B tidak melihat A menulis surat itu.

Bila pendapat tentang kewujudan hak am atau kebiasaan adalah *qarinah*.

44. Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang wujudnya apa-apa kebiasaan atau hak am, pendapat tentang wujudnya kebiasaan atau hak itu dari orang yang mungkin tahu mengenai wujudnya kebiasaan atau hak itu, sekiranya ia sungguh wujud, adalah *qarinah*.

Huraian. – Perkataan "kebiasaan atau hak am" adalah termasuk kebiasaan atau hak bersama antara sebahagian besar golongan masyarakat tertentu.

Misalan

Hak penduduk-penduduk sesebuah kampung untuk menggunakan sesuatu perigi yang biasa digunakan oleh mereka adalah hak am bagi maksud bab ini.

Bila pendapat tentang amalan dan kepercayaan dan sebagainya adalah *qarinah*.

45. Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang —

(a) amalan atau kepercayaan sesuatu kumpulan orang atau keluarga;

(b) penubuhan dan pengelolaan mana-mana yayasan agama atau khairat; atau

(c) erti perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang digunakan dalam daerah tertentu atau oleh golongan orang tertentu,

pendapat-pendapat orang-orang yang ada mempunyai cara-cara khas bagi mengetahuinya adalah *qarinah*.

Bila pendapat atas pertalian adalah *qarinah*.

46. Bila Mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat tentang pertalian seseorang dengan seseorang lain, pendapat tentang wujudnya pertalian itu seperti yang ternyata melalui kelakuan oleh seseorang sebagai ahli keluarga atau selainnya yang mempunyai cara khas untuk mengetahui perkara itu adalah *qarinah*.

Misalan

(a) Masalah sama ada *A* dan *B* telah berkahwin.

Fakta bahawa mereka telah biasanya diterima dan disifatkan oleh sahabat mereka sebagai suami isteri adalah *qarinah*.

(b) Masalah sama ada *A* adalah anak *B* yang sah.

Fakta bahawa *A* telah sentiasa disifatkan sedemikian itu oleh keluarganya adalah *qarinah*.

Bila alasan pendapat adalah *qarinah*.

47. Bila pendapat seseorang yang masih hidup adalah berkaitan, alasan-alasan pendapat itu, adalah juga *qarinah*.

Misalan

Seorang pakar boleh menceritakan tentang ujian-ujian yang telah dijalankannya bagi maksud merumuskan pendapatnya.

WATAK BILA BERKAITAN

Dalam kes mal, watak bagi membuktikan kelakuan yang ditohmahkan tidak berkaitan.

48. Dalam kes-kes mal, fakta bahawa watak seseorang yang berkenaan adalah sebegitu rupa hingga boleh menyebabkan munasabah atau tidak munasabah apa-apa kelakuan yang ditohmahkan atasnya tidaklah berkaitan, kecuali setakat mana watak itu terzahir dari fakta-fakta yang berkaitan dengan jalan lain.

Dalam kes jenayah watak yang dahulunya baik adalah berkaitan.

49. Dalam prosiding-prosiding jenayah fakta bahawa orang yang dituduh itu adalah seorang yang berwatak baik adalah *qarinah*.

Watak yang dahulunya tidak baik tidak berkaitan kecuali bagi menjawab.

50. Dalam prosiding-prosiding jenayah fakta bahawa orang yang dituduh itu mempunyai watak yang tidak baik tidaklah berkaitan, melainkan jika keterangan telah diberi bahawa ia mempunyai watak yang baik, dan dalam hal yang demikian fakta itu adalah *qarinah*.

Huraian 1. - Bab ini tidak dipakai bagi kes di mana watak yang tidak baik seseorang adalah dengan sendirinya suatu fakta persoalan.

Huraian 2. - Suatu sabitan salah yang dahulu adalah berkaitan sebagai keterangan mengenai watak yang tidak baik.

BAHAGIAN II

MENGENAI BUKTI

PENGGAL I

FAKTA YANG TIDAK PERLU DIBUKTIKAN

Fakta yang diberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.

51. Fakta bagi yang mana Mahkamah akan memberi pengiktirafan kehakiman tidak perlu dibuktikan.

Fakta yang Mahkamah mesti memberi pengiktirafan kehakiman.

52. (1) Mahkamah hendaklah memberi pengiktirafan bagi fakta-fakta yang berikut —

- (a) semua undang-undang atau peraturan-peraturan yang sekarang ini berkuatkuasa sebagai undang-undang atau yang hingga sekarang ini berkuatkuasa atau kemudian daripada ini berkuatkuasa di mana-mana tempat di dalam Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya;
- (b) perkara-perkara perang Angkatan Bersenjata Diraja Brunei atau mana-mana Angkatan Tentera lain yang melawat Negara Brunei Darussalam secara sah;

- (c) perjalanan mesyuarat mana-mana Majlis Mesyuarat;
- (d) kenaikan Takhta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- (e) segala meterai bagi Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil di Negara Brunei Darussalam, meterai-meterai notari awam dan segala meterai mana-mana orang yang dibenarkan menggunakannya oleh undang-undang yang berkuatkuasa pada masa itu dalam Negara Brunei Darussalam;
- (f) kedudukan jawatan, nama-nama, gelaran-gelaran, tugas-tugas dan tandatangan-tandatangan orang-orang yang pada masa itu memenuhi mana-mana jawatan awam di Negara Brunei Darussalam, jika fakta mengenai perlantikannya kepada jawatan itu diberitahu di dalam *Warta Kerajaan*;
- (g) wujudnya, gelaran dan bendera kebangsaan bagi setiap Negara atau Pemerintah Berdaulat yang diiktiraf oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- (h) perjalanan biasa keadaan tabi'i, pembahagian waktu semula jadi dan rekaan, pembahagian dunia mengikut ilmu alam, makna perkataan Bahasa Melayu, Inggeris dan Arab dan Hari Raya, Puasa dan Hari Kelepasan Awam yang diberitahu di dalam *Warta Kerajaan*;
- (i) negeri-negeri Komanwel;
- (j) permulaan, kelanjutan dan penamatan permusuhan-permusuhan di antara Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian Komanwel dan mana-mana Negara atau kumpulan orang;
- (k) nama ahli-ahli dan pegawai-pegawai Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil serta timbalan-timbalan dan pegawai-pegawai bawahan dan penolong-penolong mereka, dan juga semua pegawai yang bertugas dalam melaksanakan proses Mahkamah, dan semua penguambela dan penguamcara dan orang-orang lain yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk hadir atau bertindak di hadapannya;
- (l) aturan jalan raya di darat, aturan di laut atau aturan di udara;
- (m) segala hal-hal lain yang Mahkamah diarah oleh mana-mana undang-undang bertulis supaya mengiktirafkannya.

(2) Dalam segala hal ini, dan juga mengenai segala perkara berkenaan sejarah awam, sastera, sains atau seni, Mahkamah boleh mendapatkan bantuan dari buku-buku atau dokumen-dokumen rujukan yang sesuai.

(3) Jika Mahkamah diminta oleh sesiapa supaya memberi pengiktirafan kehakiman berkenaan dengan apa-apa fakta, Mahkamah boleh menolak daripada berbuat demikian melainkan dan sehingga orang itu mengemukakan buku atau dokumen sebagaimana yang difikirkan perlu bagi membolehkan Mahkamah berbuat sedemikian.

Fakta yang diakui tidak perlu dibuktikan.

53. (1) Tertakluk kepada cerai (2) bab 21, tidaklah perlu dibuktikan dalam mana-mana prosiding apa jua fakta yang pihak atau wakil mereka bersetuju membuat *ikrar* dalam pembicaraan bila diadakan pembicaraan itu atau sebelum pembicaraan itu, mereka bersetuju hendak mengaku dengan sesuatu surat yang ditandatangani oleh mereka, atau yang menurut sesuatu kaedah pliding yang berkuatkuasa pada masa itu mereka adalah disifatkan telah mengaku melalui pliding mereka.

(2) Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, menghendaki supaya fakta yang diakui itu dibuktikan dengan jalan selain daripada pengakuan itu.

PENGGAL II

MENGENAI KETERANGAN LISAN

Membuktikan fakta dengan keterangan lisan.

54. Segala fakta, kecuali kandungan dokumen, boleh dibuktikan dengan keterangan lisan.

Keterangan lisan hendaklah secara langsung.

55. (1) Keterangan lisan hendaklah dalam segala hal apa pun diberi secara langsung iaitu —

- (a) jika ia berkenaan dengan sesuatu fakta yang boleh dilihat, ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah melihat fakta itu;
- (b) jika ia berkenaan dengan sesuatu fakta yang boleh didengar, maka ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah mendengar fakta itu;

- (c) jika ia berkenaan dengan sesuatu fakta yang boleh difahami melalui sesuatu pancaindera lain atau dengan apa-apa cara lain, ia mestilah keterangan saksi yang menyatakan ia telah memahami fakta itu dengan pancaindera itu atau dengan cara itu;
- (d) jika ia berkenaan dengan sesuatu pendapat atau berkenaan dengan alasan yang menyebabkan pendapat itu dipegang, ia mestilah keterangan orang yang memegang pendapat itu atas alasan itu.

(2) Pendapat-pendapat pakar-pakar yang dinyatakan dalam sebarang buku ilmiah yang biasanya ditawarkan untuk jualan dan alasan-alasan bagi memegang pendapat itu boleh dibuktikan dengan mengemukakan buku ilmiah demikian jika penulisnya sudah meninggal dunia atau tidak dapat ditemui atau tidak berkeupayaan untuk memberi keterangan atau tidak boleh dipanggil sebagai saksi tanpa menyebabkan kelambatan atau perbelanjaan yang mana pada pendapat Mahkamah adalah tidak munasabah.

(3) Jika keterangan lisan merujuk kepada kewujudan sesuatu benda atau keadaan sesuatu benda, selain daripada dokumen, maka Mahkamah boleh, jika difikirkan patut, menghendaki benda atau dokumen itu dikemukakan untuk pemeriksaannya.

PENGGAL III

MENGENAI KETERANGAN DOKUMEN

Membuktikan kandungan dokumen.

56. Kandungan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan aslian atau dengan keterangan turunan.

Keterangan aslian.

57. Keterangan aslian ertinya dokumen asal yang dikemukakan untuk pemeriksaan Mahkamah.

Huraian 1. - Di mana sesuatu dokumen disempurnakan dengan beberapa bahagian, tiap-tiap satu bahagian itu adalah keterangan aslian bagi dokumen itu.

Di mana sesuatu dokumen disempurnakan dengan bahagian ditimbal dan tiap-tiap satu bahagian bertimbal itu disempurnakan oleh satu atau beberapa pihak sahaja, maka tiap-tiap satu bahagian bertimbal itu adalah keterangan aslian terhadap pihak yang menyempurnakan itu.

Huraian 2. - Jika beberapa dokumen adalah semuanya dibuat dengan satu proses yang seragam seperti dalam hal cetakan, litografi atau fotografi, tiap-tiap

satunya adalah keterangan aslian mengenai kandungan yang lainnya itu, tetapi jika dokumen itu adalah semuanya salinan daripada satu naskhah asal, maka dokumen itu bukanlah keterangan aslian mengenai kandungan naskhah asal itu.

Misalan

Seseorang adalah dibuktikan sebagai memiliki beberapa pelekat, kesemuanya dicetak pada satu masa daripada satu naskhah asal. Mana-mana satu daripada pelekat itu adalah keterangan aslian mengenai kandungan mana-mana satu yang lainnya, tetapi tidak satu pun daripadanya menjadi keterangan aslian mengenai kandungan naskhah asal.

Keterangan turunan.

58. Keterangan turunan adalah termasuk —

- (a) salinan-salinan yang diperakui menurut peruntukan-peruntukan yang terkandung kemudian daripada ini;
- (b) salinan-salinan yang dibuat daripada bahagian asal dengan jalan proses-proses mesin, yang mana sendirinya memastikan ketepatan salinan itu, dan salinan-salinan yang dibandingkan dengan salinan-salinan tersebut;
- (c) salinan-salinan yang dibuat daripada atau yang dibandingkan dengan naskhah asal;
- (d) naskhah-naskhah bertimbal bagi dokumen-dokumen terhadap pihak yang tidak menyempurnakannya;
- (e) keterangan-keterangan lisan mengenai kandungan sesuatu dokumen, yang diberi oleh seseorang yang telah melihat atau mendengar dalam apa cara sekalipun dokumen itu.

Misalan

- (a) Sesuatu fotograf bagi naskhah asal adalah keterangan turunan mengenai kandungannya, walaupun fotograf dan naskhah asal itu belum dibandingkan, jika sekiranya dibuktikan bahawa benda yang telah difotograf itu adalah naskhah asal.
- (b) Sesuatu salinan yang telah dibandingkan dengan salinan surat yang telah dibuat dengan mesin penyalin adalah keterangan turunan mengenai kandungan surat itu jika sekiranya dibuktikan bahawa salinan yang dibuat daripada mesin penyalin itu telah dibuat dari naskhah asal.

- (c) Sesuatu salinan yang disalin daripada suatu salinan tetapi kemudiannya dibandingkan dengan naskhah asal adalah keterangan turunan, tetapi salinan yang tidak dibandingkan dengan naskhah asal itu bukanlah keterangan turunan mengenai naskah asalnya walaupun salinan yang daripada mana ianya disalin telah dibandingkan dengan naskhah asal.
- (d) Sesuatu keterangan lisan bagi suatu salinan yang dibandingkan dengan salinan asal mahupun suatu keterangan lisan bagi suatu fotograf atau mesin penyalin dari salinan asal kedua-duanya adalah bukan keterangan turunan bagi salinan asal.

Membuktikan dokumen dengan keterangan aslian.

59. Dokumen-dokumen mestilah dibuktikan dengan keterangan aslian kecuali dalam hal-hal yang dinyatakan selepas ini.

Kes-kes dalam mana keterangan turunan berhubung dengan dokumen-dokumen boleh diberi.

60. Keterangan turunan boleh diberi mengenai kewujudan, keadaan atau kandungan sesuatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan dalam hal-hal yang berikut —

- (a) bila bahagian asalnya ditunjukkan sebagai ada di dalam milikan atau di bawah kuasa —
 - (i) seseorang yang terhadapnya dokumen itu hendak dibuktikan; atau
 - (ii) mana-mana orang yang ada di luar kuasa atau yang tidak tertakluk kepada proses Mahkamah; atau
 - (iii) mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang supaya mengemukakannya;

dan setelah diberi notis yang tersebut dalam bab 61 orang itu tidak mengemukakannya;

- (b) bila kewujudan keadaan atau kandungan naskhah asalnya telah dibuktikan sebagai telah diakui dengan bertulis oleh orang yang terhadapnya ia dibuktikan atau oleh wakilnya yang diakui dengan bertulis di hadapan Hakim Syar'ie atau Pesuruhjaya Sumpah yang beragama Islam;
- (c) bila bahagian asalnya telah musnah atau hilang, atau bila pihak yang membawa keterangan mengenai kandungannya tidak boleh mengemukakannya dalam masa yang berpatutan kerana apa-apa jua sebab lain yang tidak timbul daripada keingkarannya atau kecuaiannya sendiri;

- (d) bila bahagian asalnya berkeadaan yang ia tidak boleh dialih dengan mudah;
- (e) bila bahagian asalnya adalah suatu dokumen awam dalam erti bab 66;
- (f) bila bahagian asalnya adalah suatu dokumen yang salinannya diperakui dibenarkan diberi dalam keterangan oleh Perintah ini atau oleh mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada masa itu di Negara Brunei Darussalam;
- (g) bila bahagian asalnya mengandungi berbagai akaun kira-kira atau dokumen-dokumen lain yang tidak boleh diperiksa dengan mudah di Mahkamah dan fakta yang hendak dibuktikan itu ialah pendapatnya secara am mengenai kesemuanya itu.

Dalam hal-hal yang tersebut dalam (a), (c) dan (d) mana-mana keterangan turunan mengenai kandungan dokumen itu boleh diterima.

Dalam hal yang tersebut dalam (b), pengakuan bertulis di hadapan Hakim atau Pesuruhjaya Sumpah yang beragama Islam itu bolehlah diterima.

Dalam hal yang tersebut dalam (e) atau (f) hanya salinan dokumen itu yang diperakui boleh diterima.

Dalam hal yang tersebut dalam (g) keterangan boleh diberi tentang pendapat secara am atas dokumen itu oleh orang yang telah memeriksanya dan yang mahir dalam pemeriksaan dokumen seperti itu.

Aturan-aturan untuk mengemukakan notis.

61. Keterangan turunan mengenai kandungan dokumen-dokumen yang tersebut dalam perenggan (a) bab 60 tidak boleh diberi melainkan jika pihak yang bercadang hendak memberi keterangan turunan itu telah terlebih dahulu memberi kepada pihak yang memiliki atau yang ada di bawah kuasanya dokumen itu, atau kepada Peguam Syar'ienya, suatu notis untuk dikenakan sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang; dan jika sekiranya tidak ada notis yang ditetapkan oleh undang-undang, maka notis itu hendaklah sebagaimana yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah menurut keadaan-keadaan hal itu:

Dengan syarat bahawa notis sedemikian tidak dikehendaki bagi menjadikan keterangan turunan boleh diterima dalam mana-mana hal yang berikut atau dalam mana-mana hal lain yang Mahkamah berpendapat notis itu tidak dikehendaki —

- (a) bila dokumen yang hendak dibuktikan itu adalah sendirinya suatu notis;

- (b) bila daripada keadaan kes itu pihak lawan tentu sekali tahu yang ia akan dikehendaki mengemukakannya;
- (c) bila jelas atau bila dibuktikan bahawa pihak lawan telah dapat memiliki naskhah asalnya dengan jalan tipuan atau kekerasan;
- (d) bila pihak lawan atau wakilnya ada mempunyai naskhah asal dalam Mahkamah;
- (e) bila pihak lawan atau wakilnya telah mengaku dokumen itu telah hilang; atau
- (f) bila orang yang memiliki dokumen itu berada di luar kuasa atau tidak tertakluk kepada proses Mahkamah.

Membuktikan tandatangan dan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menandatangani atau menulis dokumen yang dikemukakan.

62. (1) Jika sesuatu dokumen dikatakan telah ditandatangani atau telah ditulis kesemuanya atau sebahagiannya oleh seseorang, maka tandatangan atau tulisan tangan itu sebanyak mana yang ada dalam dokumen itu yang dikatakan dengan tulisan tangan orang itu mestilah dibuktikan sebagai tulisan tangannya.

(2) Bab ini tidak dikenakan kepada rekod elektronik atau tandatangan elektronik yang dikenakan Perintah Transaksi Elektronik, 2000 (S 93/2000).

Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai.

63. (1) Pengakuan tentang tulisan, tandatangan atau meterai hendaklah diterima sebagai pengakuan orang yang menulis atau yang melaksanakan dokumen itu.

(2) Sesuatu pengakuan melalui dokumen yang ditulis atau yang disebabkan ditulis oleh seseorang di bawah tandatangan atau meterainya dan diserahkan kepada orang lain hendaklah diterima sebagai *ikrar*.

Membuktikan dokumen.

64. (1) Di mana seseorang yang melaksanakan dokumen menafikan tulisan atau tanggungan sesuatu dokumen, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen tersebut hendaklah diakusaksi oleh sekurang-kurangnya 2 orang saksi kepada dokumen itu.

(2) Di mana 2 saksi kepada dokumen itu tidak boleh didapati, tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah diakusaksi oleh 2 orang saksi yang

mengenali tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu.

(3) Di mana saksi kepada dokumen itu atau orang-orang yang disebut di dalam cerai (2) mengakusaksi tulisan dan tandatangan itu, orang yang menyempurnakan dokumen tersebut hendaklah terikat dengan tanggungan yang diwujudkan.

(4) Di mana saksi kepada dokumen itu atau orang yang disebut di dalam cerai (2) tidak mengakusaksikan tulisan dan tandatangan dokumen itu sepenuhnya, maka tulisan dan tandatangan dokumen itu hendaklah diperakui sah oleh seboleh-bolehnya 2 orang pakar.

(5) Di mana pakar mengakusaksikan tulisan dan tandatangan dokumen itu, maka orang yang menyempurnakan dokumen itu hendaklah terikat dengan tanggungan yang diwujudkan.

(6) Di mana dokumen tidak boleh dibuktikan dengan cara yang tersebut di atas, orang yang menafikan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah bila diminta oleh plaintif, mengangkat *yamin*, dan jika ia tidak mahu mengangkat *yamin*, *yamin* itu dikembalikan kepada plaintif dan selepas plaintif mengangkat *yamin* sabitlah tuntutananya.

Keterangan berdokumen.

65. (1) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Perintah ini, dalam sebarang prosiding mal jika keterangan lisan secara langsung mengenai suatu fakta boleh diterima, sebarang pernyataan yang dibuat oleh seseorang dalam suatu dokumen dan cenderung untuk membuktikan fakta tersebut boleh, bila dokumen asal dikemukakan, diterima sebagai keterangan mengenai fakta tersebut jika syarat-syarat yang berikut dipenuhi —

(a) jika orang yang membuat pernyataan itu sama ada —

(i) mengetahui sendiri tentang perkara-perkara yang diperkatakan dalam pernyataan itu; atau

(ii) jika dokumen yang berkenaan itu adalah sebahagian atau menjadi sebahagian dari suatu rekod yang dikatakan sebagai rekod bersambung, membuat pernyataan itu (setakat mana perkara-perkara yang diperkatakan di dalamnya tidak diketahui olehnya sendiri) dalam melaksanakan tugas merekod maklumat yang diberikan kepadanya oleh seseorang yang mengetahui sendiri, atau mungkin dianggap dengan munasabah telah mengetahui sendiri, tentang perkara-perkara tersebut; dan

- (b) jika orang yang membuat pernyataan itu dipanggil sebagai saksi dalam prosiding tersebut:

Dengan syarat bahawa syarat orang yang membuat pernyataan itu hendaklah dipanggil sebagai saksi tidak perlu dipenuhi jika ia telah meninggal dunia, atau jika oleh sebab keadaan badan atau mentalnya ia tidak layak hadir sebagai saksi, atau jika ia berada di luar Negara Brunei Darussalam dan tidak dapat dilaksanakan dengan munasabah untuk membolehkan ia hadir, atau jika segala usaha yang munasabah untuk mencarinya telah dibuat tetapi tidak berjaya.

(2) Dalam sebarang prosiding mal, Mahkamah boleh pada sebarang peringkat prosiding itu, jika dengan memberi perhatian kepada semua hal keadaan kes Mahkamah berpuas hati bahawa kelambatan atau perbelanjaan yang tidak sewajarnya sebaliknya akan berlaku, memerintahkan supaya pernyataan yang disebutkan dalam cerai (1) boleh diterima sebagai keterangan atau boleh, tanpa sebarang perintah itu dibuat, menerima pernyataan tersebut sebagai keterangan —

- (a) walaupun orang yang membuat pernyataan itu ada tetapi tidak dipanggil sebagai saksi; dan

- (b) walaupun dokumen asal tidak dikemukakan, jika, sebagai gantinya, ada dikemukakan satu salinan dokumen asal atau bahagiannya yang mustahak yang diperakui sebagai salinan sebenar mengikut cara sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu atau sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Mahkamah, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjadikan boleh diterima sebagai keterangan sebarang pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang ada kepentingan pada masa prosiding belum selesai atau dijangkakan, yang melibatkan suatu pertikaian tentang sebarang fakta yang mungkin cenderung untuk dibuktikan oleh pernyataan itu.

(4) Bagi maksud-maksud bab ini, suatu pernyataan dalam suatu dokumen hendaklah tidak dianggap telah dibuat oleh seseorang melainkan jika dokumen itu, atau bahagiannya yang mustahak, ditulis, dibuat atau dikemukakan olehnya sendiri, atau ditandatangani atau ditandatangani ringkas olehnya, ataupun sebaliknya diakui olehnya secara bertulis sebagai pernyataan yang ia bertanggungjawab terhadap ketepatannya.

(5) Bagi maksud memutuskan sama ada atau tidak suatu pernyataan boleh diterima sebagai keterangan menurut cerai-cerai (1) hingga (4), Mahkamah boleh membuat sebarang kesimpulan yang munasabah dari bentuk atau isi kandungan dokumen yang mengandungi pernyataan itu, atau dari sebarang hal keadaan lain, dan boleh, dalam memutuskan sama ada seseorang itu layak hadir atau tidak sebagai saksi, bertindak atas suatu perakuan yang dikatakan sebagai perakuan pengamal perubatan berdaftar, dan Mahkamah boleh atas budibicaranya menolak pernyataan itu walaupun kehendak-kehendak bab ini dipenuhi

berkenaan dengannya, jika kerana sebarang sebab, didapati oleh Mahkamah tidak mustahak bagi kepentingan keadilan supaya pernyataan itu diterima.

(6) Dalam mengangalkan nilai, jika ada, yang hendak diberikan kepada suatu pernyataan yang dijadikan boleh diterima sebagai keterangan oleh Perintah ini, perhatian hendaklah diberikan kepada semua hal keadaan yang darinya sebarang kesimpulan boleh dibuat dengan munasabah tentang ketepatan pernyataan itu ataupun sebaliknya, dan, khususnya, tentang persoalan sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat serentak dengan berlakunya atau adanya fakta-fakta yang dinyatakan itu, dan tentang persoalan sama ada atau tidak orang yang membuat pernyataan itu mempunyai sebarang dorongan untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan fakta-fakta itu.

(7) Bagi maksud sebarang rukun undang-undang atau amalan yang menghendaki keterangan disokong, atau yang mengawalselia cara bagaimana keterangan yang tidak disokong hendak diperlakukan, suatu pernyataan yang dijadikan boleh diterima sebagai keterangan oleh Perintah ini hendaklah tidak disifatkan sebagai menyokong keterangan yang diberikan oleh orang yang membuat pernyataan itu.

DOKUMEN AWAM

Dokumen-dokumen awam.

66. Dokumen-dokumen yang berikut adalah dokumen-dokumen awam —

- (a) dokumen-dokumen yang mengandungi tindakan-tindakan atau rekod-rekod tindakan —
 - (i) pihak berkuasa berdaulat;
 - (ii) badan-badan rasmi dan badan-badan tribunal;
 - (iii) pegawai-pegawai awam dari bahagian perundangan, kehakiman dan eksekutif, sama ada bagi Negara Brunei Darussalam atau negara asing;
- (b) rekod-rekod awam yang disimpan di Negara Brunei Darussalam mengenai dokumen persendirian.

Dokumen-dokumen persendirian.

67. Dokumen selain dari yang disebut di dalam bab 66 adalah dokumen persendirian.

Salinan-salinan yang diperakui bagi dokumen-dokumen awam.

68. Tiap-tiap pegawai awam yang ada di dalam simpanannya sesuatu dokumen awam yang seseorang ada hak memeriksa hendaklah memberikan kepada orang itu atas permintaannya salinan dokumen itu, setelah dibayar bayarannya yang sah di sisi undang-undang, berserta dengan suatu perakuan yang ditulis di kaki salinan itu bahawa ianya salinan yang benar bagi dokumen itu atau sebahagiannya, dan perakuan itu hendaklah ditarikahkan serta ditandatangani oleh pegawai itu dengan nama dan jawatan rasminya, dan hendaklah dimeteraikan jika pegawai itu dibenarkan oleh undang-undang menggunakan sesuatu meterai, dan salinan yang diperakui demikian itu adalah dipanggil salinan-salinan yang diperakui.

Huraian. – Seseorang pegawai yang diberi kuasa mengeluarkan salinan yang tersebut itu pada menunaikan kewajipan rasminya yang biasa, adalah disifatkan sebagai ada di dalam simpanannya dokumen-dokumen yang tersebut itu dalam makna bab ini.

Membuktikan dokumen-dokumen dengan mengemukakan salinan yang diperakui.

69. Salinan-salinan yang diperakui sedemikian bolehlah dikemukakan sebagai bukti mengenai kandungan dokumen-dokumen awam atau mana-mana bahagian dokumen-dokumen awam bagi yang mana ianya dikatakan sebagai salinan-salinan.

Bukti dokumen-dokumen rasmi tertentu.

70. Dokumen-dokumen awam yang berikut boleh dibuktikan seperti berikut —

- (a) tindakan-tindakan, perintah-perintah atau pemberitahuan-pemberitahuan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam mana-mana jabatannya —
 - (i) dengan jalan rekod-rekod bagi jabatan-jabatan itu yang diperakui oleh Ketua-Ketua Jabatan masing-masing atau oleh seseorang Menteri yang bertanggungjawab atas jabatan itu; atau
 - (ii) dengan jalan mana-mana dokumen yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa Kerajaan;
- (b) perjalanan mesyuarat mana-mana Majlis-Majlis Mesyuarat Negeri, dengan jalan minit-minit mesyuarat badan itu atau dengan jalan Akta-Akta atau Perintah-Perintah atau ikhtisar-ikhtisar yang diterbitkan atau dengan jalan salinan-salinan yang berupa sebagai dicetak dengan kuasa Kerajaan;
- (c) tindakan-tindakan badan Eksekutif atau perjalanan mesyuarat badan perundangan sesebuah negara asing atau wilayah, dengan jalan warta-warta yang disiarkan dengan kuasanya atau yang biasanya diterima di

dalam negara itu sebagai yang demikian itu, atau dengan jalan suatu salinan yang diperakui yang mengandungi meterai negara atau wilayah itu atau meterai Ketua Negaranya, atau dengan jalan sesuatu pengiktirafan atasnya dalam sesuatu Akta awam Negara Brunei Darussalam;

- (d) perjalanan mesyuarat Lembaga Bandaran atau Majlis tempatan di dalam Negara Brunei Darussalam, dengan suatu salinan minit mesyuarat badan itu yang diperakui oleh penyimpannya yang sah di sisi undang-undang, atau dengan jalan sesuatu buku bercetak yang berupa sebagai diterbitkan dengan kuasa badan yang tersebut itu;
- (e) dokumen awam dari mana-mana jenis lain di dalam sesebuah negara asing atau wilayah, dengan jalan naskhah asalnya atau dengan jalan suatu salinannya yang diperakui oleh penyimpannya yang sah di sisi undang-undang, berserta dengan suatu perakuan yang mengandungi meterai seseorang pegawai bahagian Konsul Negara Brunei Darussalam yang menyatakan bahawa salinan itu adalah diperakui dengan sempurnanya oleh pegawai yang ada naskhah asalnya itu di bawah jagaannya yang sah di sisi undang-undang dan apabila jenis dokumen itu dibuktikan mengikut undang-undang negara asing itu.

ANGGAPAN-ANGGAPAN TENTANG DOKUMEN-DOKUMEN

Anggapan mengenai ketulinan salinan-salinan yang diperakui.

71. (1) Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulid setiap dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan, salinan yang diperakui atau dokumen-dokumen lain, yang ditetapkan oleh undang-undang boleh diterima sebagai keterangan mengenai sesuatu fakta yang tertentu dan yang berupa sebagai diperakui oleh mana-mana pegawai Kerajaan di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam yang diberi kuasa memperakui:

Dengan syarat bahawa dokumen itu adalah pada asasnya mengikut bentuk dan berupa sebagai disempurnakan secara yang diarahkan oleh undang-undang bagi maksud itu.

(2) Mahkamah hendaklah juga menganggap bahawa mana-mana pegawai yang olehnya sesuatu dokumen itu berupa sebagai ditandatangani atau diperakui telah memegang, pada masa ia menandatangani, jawatan rasmi yang ia nyatakan di dalam dokumen itu.

Anggapan tentang dokumen-dokumen yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.

72. Bila dikemukakan di hadapan mana-mana Mahkamah mana-mana dokumen yang berupa sebagai suatu rekod atau memorandum keterangan atau mengenai

mana-mana bahagian keterangan yang telah diberi oleh seorang saksi di dalam sesuatu prosiding kehakiman atau di hadapan seseorang pegawai yang diberi kuasa oleh undang-undang bagi mengambil keterangan itu atau yang berupa sebagai suatu *ikrar* oleh seseorang banduan atau seseorang yang dituduh, yang telah diambil mengikut undang-undang dan yang berupa sebagai ditandatangani oleh seseorang Hakim Syar'ie, Hakim Mahkamah Besar, Majistret atau oleh mana-mana pegawai sebagaimana yang tersebut di atas, maka Mahkamah hendaklah menganggap —

- (a) bahawa dokumen itu adalah tulin;
- (b) bahawa mana-mana pernyataan yang berupa sebagai dibuat oleh orang yang menandatangani tentang keadaan dalam mana ianya telah diambil, adalah benar; dan
- (c) bahawa keterangan, pernyataan atau *ikrar* itu telah diambil dengan sempurnanya.

Cetakan dari filem-filem yang ada dalam milik Kerajaan atau badan awam.

73. (1) Suatu cetakan, sama ada dibesarkan atau tidak, yang dikatakan dibuat dari suatu filem sebarang dokumen yang ada dalam milik Kerajaan atau mana-mana badan awam boleh dikemukakan bagi membuktikan isi kandungan dokumen itu atau bahagian dokumen itu di mana cetakan tersebut dikatakan sebagai salinannya apabila dibuktikan bahawa —

- (a) semasa dokumen itu berada dalam jagaan atau kawalan Kerajaan atau badan awam filem tersebut diambil bagi menyimpan rekodnya yang kekal; dan
- (b) dokumen yang digambar itu —
 - (i) kemudiannya dimusnahkan, sama ada dengan sengaja ataupun sebaliknya;
 - (ii) rosak sehingga tidak dapat dibaca seluruhnya atau sebahagiannya;
 - (iii) hilang; atau
 - (iv) berpindah dari jagaan atau kawalan Kerajaan atau badan awam.

(2) Bukti —

- (a) bahawa suatu cetakan dibuat dari filem suatu dokumen yang ada dalam milik Kerajaan atau badan awam; dan

(b) mematuhi syarat-syarat dalam cerai (1),

boleh diberikan berkaitan dengan sebarang dokumen atau kumpulan dokumen oleh seseorang pegawai Kerajaan atau oleh seseorang pekerja badan awam yang menjaga atau mengawal filem itu, secara lisan atau dengan suatu surat perakuan yang dikatakan ditandatangani oleh pegawai Kerajaan atau pekerja tersebut.

(3) Suatu surat perakuan di bawah cerai (2) boleh diterima sebagai keterangan dalam sebarang prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah bila perakuan itu dikemukakan tanpa bukti lanjut.

(4) Bila suatu surat perakuan dikemukakan di bawah cerai (3), Mahkamah yang di hadapannya surat perakuan itu dikemukakan, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menganggap —

(a) bahawa fakta-fakta yang dinyatakan dalam surat perakuan itu berkenaan dengan cetakan tersebut dan pematuhan syarat-syarat dalam cerai (1) adalah benar; dan

(b) bahawa surat perakuan yang dikatakan ditandatangani oleh seorang pegawai Kerajaan atau seseorang pekerja badan berkanun yang tertentu telah ditandatangani olehnya.

(5) Dalam bab ini, "filem" termasuk suatu kepingan fotograf, mikrofilem dan negatif fotostatik.

Anggapan tentang warta, akhbar dan sebagainya.

74. Mahkamah hendaklah menganggap sebagai tulen setiap dokumen yang berupa sebagai *Warta Kerajaan*, atau sebagai akhbar, jurnal atau majalah dan setiap dokumen yang berupa sebagai dokumen yang diarahkan oleh mana-mana undang-undang supaya disimpan oleh sesiapa jua, jika dokumen itu disimpan keseluruhannya secara yang dikehendaki oleh undang-undang dan dikeluarkan daripada simpanan yang sempurna.

Anggapan tentang peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat dengan kuasa Kerajaan.

75. (1) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta-peta atau pelan-pelan yang berupa sebagai dibuat dengan kuasa Kerajaan telah dibuat sedemikian itu dan adalah tepat.

(2) Peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat bagi maksud mana-mana sebab atau prosiding lain, mal atau jenayah, mestilah dibuktikan sebagai tepat.

Anggapan tentang koleksi undang-undang dan laporan-laporan keputusan.

76. Mahkamah hendaklah menganggap ketulinan setiap buku yang berupa —
- (a) sebagai dicetak atau diterbitkan di bawah kuasa Kerajaan mana-mana negara atau wilayah dan sebagai mengandungi mana-mana undang-undang negara atau wilayah itu; atau
 - (b) sebagai mengandungi laporan-laporan keputusan mahkamah-mahkamah negara atau wilayah itu.

Anggapan tentang surat kuasa wakil.

77. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa setiap dokumen yang berupa sebagai surat kuasa wakil, dan sebagai telah disempurnakan di hadapan serta disahkan oleh Hakim Syar'ie, Hakim Mahkamah Besar, Majistret atau pegawai bahagian Konsul Negara Brunei Darussalam di luar negara telah disempurnakan serta disahkan sedemikian.

Anggapan tentang salinan-salinan yang diperakui bagi rekod-rekod kehakiman negara asing.

78. Mahkamah boleh menganggap bahawa suatu dokumen yang berupa sebagai salinan yang diperakui dari suatu rekod kehakiman mana-mana negara luar atau wilayah adalah tulen dan tepat jika dokumen itu berupa sebagai diperakui dengan apa-apa cara yang disahkan oleh wakil Kerajaan di dalam atau bagi negara itu sebagai cara yang biasanya dipakai di dalam negara atau wilayah itu bagi memperakui salinan rekod-rekod kehakiman.

Anggapan tentang buku-buku, peta-peta dan carta-carta.

79. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana buku yang dirujuk untuk mendapat maklumat mengenai *Hukum Syara'* atau perkara-perkara yang ada kepentingan awam atau kepentingan am dan bahawa mana-mana peta atau rajah yang disiarkan yang pernyataan-pernyataan di dalamnya itu adalah fakta-fakta berkaitan dengan yang dikemukakan untuk pemeriksaannya, dan telah ditulis dan disiarkan oleh orang pada masa dan di tempat yang ianya dinyatakan telah ditulis atau disiarkan.

Anggapan tentang perutusan telegraf.

80. Mahkamah boleh menganggap bahawa sesuatu perutusan yang dihantar dari sebuah pejabat telegraf kepada orang yang perutusan itu dialamatkan adalah bersamaan dengan perutusan yang telah diserahkan untuk dihantar di pejabat yang darinya perutusan itu berupa sebagai dihantar, tetapi Mahkamah tidak boleh membuat sebarang anggapan tentang siapakah yang telah menyerahkan perutusan itu untuk dihantar.

Anggapan tentang penyempurnaan, dan sebagainya mengenai dokumen yang tidak dikemukakan.

81. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa dokumen yang diminta dan tidak dikemukakan setelah notis supaya mengemukakannya diberi di bawah bab 61 telah diakusaksi, disetem dan disempurnakan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang.

PENGGAL IV

KETERANGAN DENGAR CAKAP

Pengenaaan Penggal IV.

82. Peruntukan-peruntukan Penggal ini hendaklah dikenakan kepada semua prosiding mal, dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain yang mempunyai kesan yang berlawanan.

Kebolehterimaan keterangan dengar cakap.

83. (1) Dalam prosiding mal keterangan tidak boleh dikecualikan atas alasan bahawa ia berupa dengar cakap.

(2) Dalam Penggal ini —

(a) "dengar cakap" bermakna suatu pernyataan yang dibuat melainkan oleh seseorang semasa memberi keterangan lisan dalam prosiding tersebut, yang diberikan sebagai keterangan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan; dan

(b) rujukan-rujukan kepada dengar cakap termasuk dengar cakap dari segi apa pun.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam Penggal ini boleh menjejaskan kebolehterimaan keterangan yang boleh diterima selain dari bab ini.

(4) Peruntukan bab-bab 84 hingga 88 tidak dikenakan kepada keterangan dengar cakap yang boleh diterima selain dari bab ini, walaupun ia boleh juga diterima menurut bab ini.

Notis cadangan untuk mengemukakan keterangan dengar cakap.

84. (1) Suatu pihak yang bercadang hendak mengemukakan keterangan dengar cakap dalam prosiding mal hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang berikut bab ini, memberi kepada pihak yang satu lagi atau pihak-pihak kepada prosiding itu —

- (a) notis (jika ada) mengenai fakta tersebut; dan
- (b) atas permintaan, butir-butir keterangan tersebut atau butir-butir berkenaan dengan keterangan tersebut,

yang munasabah dan boleh dilaksanakan dalam hal keadaan tersebut bagi tujuan membolehkannya atau mereka mengendalikan sebarang perkara yang berbangkit dari keterangan yang berupa dengar cakap.

(2) Ceraian (1) boleh dikecualikan dengan persetujuan pihak-pihak tersebut; dan pematuan kewajipan untuk memberi notis boleh dalam sebarang kes diketepikan oleh orang yang dikehendaki untuk diberikan notis.

(3) Kegagalan untuk mematuhi ceraian (1) tidak menjejaskan kebolehterimaan keterangan tersebut tetapi boleh diambil kira oleh Mahkamah —

- (a) dalam menimbangkan perjalanan kuasa-kuasanya berhubung dengan perjalanan prosiding dan kos; dan
- (b) sebagai suatu perkara yang menjejaskan nilai yang hendak diberikan kepada keterangan tersebut menurut bab 86.

Kuasa untuk memanggil saksi.

85. Jika suatu pihak kepada prosiding mal mengemukakan keterangan dengar cakap tentang suatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang dan tidak memanggil orang itu sebagai saksi, mana-mana pihak lain kepada prosiding itu boleh, dengan kebenaran Mahkamah, memanggil orang itu sebagai saksi dan memeriksa balas orang itu atas pernyataan tersebut seolah-olah dia telah dipanggil oleh pihak yang mula-mula disebut dan seolah-olah pernyataan dengar cakap itu adalah keterangannya yang utama.

Pertimbangan adalah berkaitan.

86. (1) Dalam menganggarkan nilai (jika ada) yang hendak diberikan kepada keterangan dengar cakap dalam prosiding mal Mahkamah tersebut hendaklah memberi perhatian kepada sebarang hal keadaan darinya sebarang kesimpulan boleh dibuat tentang kebolehpercayaan keterangan itu ataupun sebaliknya.

- (2) Perhatian boleh diberikan, khususnya, kepada yang berikut —
 - (a) sama ada munasabah dan boleh dilaksanakan bagi pihak yang dikemukakan keterangan itu untuk mengemukakan pembuat pernyataan asal sebagai saksi;
 - (b) sama ada pernyataan asal dibuat sama masanya dengan berlakunya atau wujudnya perkara-perkara yang dinyatakan;

- (c) sama ada keterangan itu melibatkan dengar cakap yang pelbagai;
- (d) sama ada mana-mana orang yang terlibat mempunyai sebarang motif untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan perkara-perkara;
- (e) sama ada pernyataan asal adalah suatu keterangan yang telah diedit, atau dibuat bersama dengan pernyataan lain atau bagi sesuatu tujuan tertentu;
- (f) sama ada hal keadaan bagaimana keterangan itu dikemukakan sebagai dengar cakap adalah sebegitu rupa sehingga menunjukkan suatu percubaan untuk menghalang nilai keterangan itu daripada dinilai dengan sepatutnya.

Kebolehpercayaan.

87. Jika dalam prosiding mal keterangan dengar cakap dikemukakan dan pembuat pernyataan asal, atau sebarang pernyataan yang disandarkan untuk membuktikan pernyataan lain, tidak dipanggil sebagai saksi —

- (a) keterangan yang jika ia telah dipanggil sebagai saksi boleh diterima untuk tujuan membidas atau menyokong kebolehpercayaannya sebagai saksi adalah boleh diterima bagi tujuan tersebut dalam prosiding itu; dan
- (b) keterangan yang cenderung untuk membuktikan bahawa, sama ada sebelum atau selepas ia membuat pernyataan itu, ia membuat sebarang pernyataan lain yang bertentangan dengannya adalah boleh diterima bagi tujuan-tujuan untuk menunjukkan bahawa ia telah menyangkal dirinya:

Dengan syarat bahawa keterangan tidak boleh diberikan tentang sebarang perkara di mana, jika ia telah dipanggil sebagai saksi dan telah menafikan perkara itu dalam pemeriksaan balas, keterangan tidak boleh dikemukakan oleh pihak yang memeriksa balas.

Pernyataan terdahulu saksi-saksi.

88. (1) Peruntukan-peruntukan Penggal ini tentang keterangan dengar cakap dalam prosiding mal adalah dikenakan sama (tetapi dengan sebarang pengubahsuaian yang perlu) berkenaan dengan suatu pernyataan terdahulu yang dibuat oleh seseorang yang dipanggil sebagai saksi dalam prosiding itu.

(2) Suatu pihak yang telah memanggil atau bercadang hendak memanggil seseorang sebagai saksi dalam prosiding mal tidak boleh dalam prosiding itu

mengemukakan keterangan mengenai suatu pernyataan terdahulu yang dibuat oleh orang itu, kecuali —

- (a) dengan kebenaran Mahkamah; dan
- (b) bagi tujuan mematahkan sesuatu bayangan bahawa keterangannya telah direka.

Ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang seseorang saksi suatu pernyataan (iaitu, suatu pernyataan bertulis mengenai keterangan lisan yang suatu pihak kepada prosiding itu bercadang untuk menunjukkan) dari diterima pakai oleh seseorang saksi dalam memberi keterangan atau disifatkan sebagai keterangannya.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam Penggal ini menjejaskan sebarang rukun undang-undang tentang hal keadaan bagaimana, jika seseorang yang dipanggil sebagai saksi dalam prosiding mal diperiksa balas atas suatu dokumen yang digunakan olehnya untuk mengingatkannya semula, dokumen itu boleh dijadikan keterangan dalam prosiding tersebut.

(4) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang sebarang jenis pernyataan yang disebutkan di atas dari boleh diterima menurut bab 83 sebagai keterangan mengenai perkara-perkara yang dinyatakan.

Keterangan yang dahulunya boleh diterima.

89. (1) Sebarang rukun undang-undang di mana dalam prosiding mal —

- (a) karya yang telah diterbitkan berhubung dengan perkara-perkara yang bersifat awam (misalnya, sejarah, karya saintifik, kamus dan peta) adalah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang bersifat awam yang dinyatakan di dalamnya;
- (b) dokumen-dokumen awam (misalnya, daftar awam, dan penyata yang dibuat dengan kebenaran awam berkenaan dengan perkara-perkara yang mempunyai kepentingan awam) adalah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya; atau
- (c) rekod-rekod (misalnya, rekod mahkamah tertentu, triti, pemberian Negara, pengampunan dan tauliah) adalah boleh diterima sebagai keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya,

hendaklah terus berkuatkuasa.

(2) Sebarang rukun undang-undang di mana prosiding mal —

- (a) keterangan mengenai reputasi seseorang adalah boleh diterima bagi tujuan membuktikan watak baik atau buruknya; atau
- (b) keterangan atau reputasi atau tradisi keluarga adalah boleh diterima —
 - (i) bagi tujuan membuktikan atau membuktikan sebaliknya salasilah atau wujudnya suatu perkahwinan; atau
 - (ii) bagi tujuan membuktikan atau membuktikan sebaliknya wujudnya sebarang hak awam atau am atau mengenalpasti mana-mana orang atau benda,;

hendaklah terus berkuatkuasa setakat mana ia membenarkan Mahkamah untuk menyifatkan keterangan tersebut sebagai membuktikan atau membuktikan sebaliknya perkara itu. Jika sebarang rukun undang-undang tersebut dikenakan, reputasi atau tradisi keluarga hendaklah disifatkan bagi maksud-maksud Penggal ini sebagai suatu fakta dan bukannya sebagai suatu pernyataan atau pernyataan-pernyataan yang pelbagai tentang perkara yang berkenaan itu.

(3) Perkataan-perkataan di mana suatu rukun undang-undang yang disebutkan dalam bab ini dihuraikan adalah hanya dimaksudkan untuk mengenalpasti rukun undang-undang itu dan hendaklah tidak ditafsirkan sebagai mengubahnya dalam apa jua cara.

BAHAGIAN III

PENGEMUKAAN KETERANGAN DAN KESANNYA

PENGGAL I

BEBAN MEMBUKTIKAN

Beban membuktikan.

90. (1) Sesiapa berkehendakkan Mahkamah membuat hukuman tentang mana-mana hak atau tanggungan di sisi undang-undang dengan bergantung kepada wujudnya fakta-fakta yang ditegakkan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta-fakta itu wujud.

(2) Bila seseorang terpaksa membuktikan wujudnya suatu fakta, maka adalah dikatakan bahawa beban membuktikan adalah terletak atas orang itu.

Misalan

- (a) *A* berkehendakkan Mahkamah memberi hukuman supaya *B* dihukum bagi suatu jenayah yang *A* katakan telah dilakukan oleh *B*.

A mesti membuktikan bahawa *B* telah melakukan jenayah itu.

- (b) *A* menghendaki sebuah Mahkamah untuk memberi hukuman bahawa ia adalah berhak kepada tanah tertentu yang dimiliki oleh *B* dengan sebab fakta-fakta yang ditegaskannya dan yang mana dinafikan oleh *B* sebagai benar.

A mesti membuktikan wujudnya fakta-fakta itu.

Atas siapakah beban membuktikan.

91. Beban membuktikan di dalam mana-mana guaman atau prosiding adalah terletak atas orang yang akan gagal jika tidak ada keterangan diberikan sama sekali atas kedua-dua pihak.

Misalan

- (a) *A* mendakwa *B* atas tanah bagi yang mana dimiliki oleh *B*, dan yang mana, sebagaimana yang ditegaskan oleh *A*, telah ditinggalkan kepada *A* melalui wasiat *C*, bapa *B*.

Jika keterangan tidak ada diberikan atas kedua-dua pihak, *B* akan berhak untuk memilikinya.

Dari itu beban untuk membuktikan adalah atas *A*.

- (b) *A* mendakwa *B* atas wang yang patut dibayar atas suatu ikat jaminan.

Perlaksanaan ikat jaminan tersebut adalah diterima, tetapi *B* mengatakan bahawa ianya telah diperolehi secara tipu, yang mana dinafikan oleh *A*.

Jika keterangan tidak ada diberikan atas kedua-dua pihak, *A* akan berjaya oleh kerana ikat jaminan tersebut tidak dipertikaikan dan tipu tersebut tidak dibuktikan.

Dari itu beban untuk membuktikan adalah atas *B*.

Beban membuktikan fakta tertentu.

92. Beban membuktikan sesuatu fakta yang tertentu adalah terletak atas orang yang berkehendakkan Mahkamah mempercayai wujudnya fakta itu, melainkan

jika ada diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti mengenai fakta itu hendaklah terletak atas mana-mana orang yang tertentu.

Misalan

- (a) *A* mendakwa *B* kerana mencuri dan menghendaki Mahkamah untuk mempercayai bahawa *B* telah mengaku mencuri kepada *C*.

A mestilah membuktikan pengakuan tersebut.

- (b) *A* berkehendakkan Mahkamah mempercayai bahawa pada masa yang berkenaan itu ia berada di suatu tempat lain.

Ia mestilah membuktikannya.

Beban membuktikan fakta yang perlu dibuktikan supaya keterangan boleh diterima.

93. Beban membuktikan mana-mana fakta yang perlu dibuktikan bagi membolehkan seseorang memberi keterangan mengenai mana-mana fakta lain adalah terletak atas orang yang hendak memberi keterangan itu.

Misalan

- (a) *A* hendak membuktikan suatu akuan yang dibuat oleh *B* semasa *B* *marad al maut*.

A mesti membuktikan *marad al maut* dan kematian *B*.

- (b) *A* hendak membuktikan dengan jalan keterangan turunan tentang kandungan suatu dokumen yang telah hilang.

A mestilah membuktikan bahawa dokumen itu telah hilang.

Beban membuktikan bahawa kes orang yang dituduh adalah termasuk di dalam kecualian.

94. Bila seseorang dituduh atas sesuatu kesalahan, beban membuktikan wujudnya hal keadaan yang membawa kes itu termasuk di dalam kecualian am di dalam mana-mana undang-undang atau di dalam mana-mana kecualian khas atau proviso yang terkandung dalam mana-mana bahagian undang-undang itu adalah terletak padanya, dan Mahkamah hendaklah menganggapkan hal keadaan yang tersebut itu sebagai tidak ada.

Misalan

- (a) *A* dituduh bersekedudukan dengan *B*. Pendakwa mengemukakan keterangan menunjukkan bahawa *A* telah menceraikan *B*, isterinya.

A mendakwa bahawa ia dipaksa menceraikan isterinya.

Beban membuktikan bahawa ia dipaksa itu terletak ke atas *A*.

- (b) *C* dituduh melakukan persetubuhan secara haram dengan *D*.

C mendakwa bahawa ia telah bernikah dengan *D* di negara asing.

Beban membuktikan pernikahan itu berlaku terletak ke atas *C*.

- (c) *A* yang dituduh melakukan pembunuhan mengatakan bahawa oleh kerana tidak kesempurnaan akal ia tidak mengetahui sifat perbuatan tersebut.

Beban membuktikan adalah ke atas *A*.

- (d) *A* yang dituduh melakukan pembunuhan mengatakan bahawa dalam keadaan bangkitan marah yang besar dan mengejut ia kehilangan kuasa untuk mengawal dirinya.

Beban membuktikan adalah ke atas *A*.

Beban membuktikan fakta yang diketahui secara khas.

95. Bila mana-mana fakta itu adalah khasnya dalam pengetahuan seseorang, beban bagi membuktikan fakta itu terletak atasnya.

Misalan

Bila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan sesuatu niat yang lain daripada bentuk niat yang boleh difahamkan daripada hal keadaan perbuatan itu, maka beban membuktikan niat itu adalah terletak ke atasnya.

Beban membuktikan kematian orang yang diketahui masih hidup dalam masa 30 tahun.

96. Tertakluk kepada mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, bila masalahnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah meninggal dunia dan keterangan ada ditunjukkan bahawa orang itu telah hidup dalam masa 30 tahun, beban bagi membuktikan bahawa ia telah meninggal dunia adalah terletak atas orang yang mengesahkannya.

Beban membuktikan seseorang masih hidup yang tidak didengar selama 4 tahun.

97. Tertakluk kepada *Hukum Syara'* dan mana-mana peruntukan undang-undang bertulis lain, bila masalahnya ialah sama ada seseorang masih hidup atau telah meninggal dunia dan ada dibuktikan bahawa tiada khabar telah didengar selama 4 tahun dari masa ia hilang oleh orang-orang yang sepatutnya mendengar khabarnya jika ia masih hidup, beban bagi membuktikan bahawa ia masih hidup adalah berpindah kepada orang yang mengesahkannya.

Beban membuktikan tentang kepunyaan.

98. Bila masalahnya ialah sama ada seseorang adalah tuannya bagi sebarang benda yang ditunjukkan sebagai ada di dalam milikannya, beban bagi membuktikan bahawa ia bukanlah tuan punya adalah terletak atas orang yang membuat pengesahan bahawa ia bukan tuan punya tersebut.

Mahkamah boleh menganggap kewujudan suatu fakta tertentu.

99. Mahkamah boleh menganggap sebagai wujud mana-mana fakta yang difikirkannya mungkin telah berlaku, setelah menimbangkan perjalanan biasa kejadian-kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian dalam hubungan mereka dengan fakta-fakta bagi suatu hal yang tertentu.

Misalan

Mahkamah boleh menganggap —

- (a) bahawa seorang lelaki yang memiliki barang-barang curian sebaik sahaja selepas kecurian tersebut adalah sama ada seorang pencuri atau telah menerima barang-barang itu dengan mengetahuinya sebagai barang-barang curian, kecuali jika ia dapat menerangkan mengenai milikannya itu;
- (b) bahawa mana-mana rakan sejenayah adalah tidak patut dipercayai kecuali jika ia disokong oleh butir-butir mustahak;
- (c) bahawa suatu bil pertukaran yang diterima atau diendors adalah diterima atau diendors sebagai balasan yang sah;
- (d) bahawa suatu benda atau keadaan benda-benda yang telah dibuktikan sebagai wujud dalam masa suatu tempoh yang pendek daripada tempoh masa benda-benda tersebut biasanya terhenti wujud adalah masih lagi wujud;

- (e) bahawa tindakan-tindakan kehakiman dan urusan rasmi adalah telah dilaksanakan mengikut peraturan;
- (f) perjalanan biasa urusan di dalam mana-mana urusan adalah telah diikuti;
- (g) bahawa keterangan yang mana boleh dan tidak dikemukakan jika dikemukakan adalah akan merugikan kepada orang yang menahan keterangan itu;
- (h) bahawa jika seorang lelaki enggan untuk menjawab suatu soalan yang mana ia tidak dipaksa untuk menjawabnya dari sisi undang-undang, jawapan tersebut jika diberikan adalah akan merugikan orang itu;
- (i) bahawa bila suatu dokumen yang mengwujudkan suatu obligasi ada dalam tangan pihak penanggung obligasi maka obligasi tersebut adalah telah dilepaskan.

Tetapi Mahkamah hendaklah juga mengambil perhatian kepada fakta-fakta seperti di bawah, dalam mempertimbangkan sama ada petunjuk-petunjuk demikian digunakan atau tidak digunakan bagi kes yang tertentu di hadapannya —

mengenai dengan misalan (a) - seorang pekedai memiliki dalam laci wangnya satu ringgit yang bertanda, sebaik sahaja selepas ianya dicuri dan tidak dapat menerangkan milikannya itu dengan tepat dan khusus tetapi terus menerima wang ringgit dalam perjalanan urusannya;

mengenai dengan misalan (b) - *A*, seorang yang berakhlak tinggi dibicarakan kerana menyebabkan kematian seorang lelaki dengan suatu tindakan kecuaiian dalam menyusun mesin yang tertentu. *B*, seorang yang sama mempunyai akhlak yang baik, yang juga ikut serta dalam penyusunan itu, menerangkan dengan tepat apa yang telah dilakukan dan mengaku dan menjelaskan kecuaiian bersama *A* dan dirinya;

mengenai dengan misalan (b) - suatu jenayah telah dilakukan oleh beberapa orang. *A*, *B* dan *C*, tiga orang daripada penjenayah-penjenayah tersebut, ditangkap di tempat itu juga dan ditempatkan berasingan. Setiap seorang memberi keterangan mengenai jenayah tersebut dengan melibatkan *D*, dan keterangan-keterangan tersebut menyokong di antara satu dengan yang lain dengan sedemikian cara sehingga menjadikan rencana awal bersama sangat tidak mungkin;

mengenai dengan misalan (c) - *A*, orang yang mengeluarkan bil pertukaran adalah seorang ahli peniaga. *B*, sipenerima, adalah seorang yang muda dan kurang pengetahuan yang sepenuhnya di bawah pengaruh *A*;

mengenai dengan misalan (d) - adalah dibuktikan bahawa sebatang sungai mengalir dalam suatu aliran yang tertentu 5 tahun yang lalu, tetapi adalah diketahui bahawa banjir telah berlaku sejak waktu itu yang mana mungkin mengubah aliran sungai itu;

mengenai dengan misalan (e) - suatu tindakan kehakiman, yang mana ketepatannya adalah dipersoalkan, dilaksanakan dalam keadaan-keadaan yang terkecuali;

mengenai dengan misalan (f) - masalah sama ada suatu surat telah diterima. Adalah dibuktikan bahawa ianya telah diposkan, tetapi perjalanan biasa pos tersebut telah terhalang oleh gangguan;

mengenai dengan misalan (g) - seorang lelaki enggan mengemukakan suatu dokumen yang akan memperlihatkan suatu kontrak yang tidak begitu penting atas mana ia didakwa, tetapi yang mana juga mungkin melukai perasaan dan merosakkan nama baik keluarganya;

mengenai dengan misalan (h) - seorang lelaki enggan menjawab suatu soalan yang mana ia tidak dipaksa menjawab di sisi undang-undang, tetapi jawapan kepada soalan itu mungkin menyebabkan kerugian kepadanya dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan apa yang ditanyakan kepadanya;

mengenai dengan misalan (i) - suatu surat perjanjian dimiliki oleh penanggung obligasi, tetapi keadaan-keadaan kes tersebut adalah sedemikian rupa yang ia mungkin telah mencurinya.

PENGGAL II

YAMIN

Beban mengemukakan keterangan.

100. Di dalam kes mal beban mengemukakan keterangan atau menegaskan sesuatu fakta terletak ke atas pihak yang mendakwa (*mudda'ii*) dan *yamin* ke atas yang menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*mudda'a'alaih*).

Cara memberi keterangan.

101. (1) Dalam kes mal keterangan hendaklah diberi oleh *mudda'ii* bagi menyokong tuntutan dan *mudda'a'laih* hendaklah memberikan keterangan menafikan atau mempertikaikan tuntutan *mudda'ii*.

(2) Jika *mudda'ii* gagal memberikan keterangan atau menegaskan sesuatu fakta mengenai tuntutannya manakala *mudda'a'alaih* mempunyai keterangan yang

memuaskan Hakim maka *mudda'a'alaih* tidak perlu diminta mengangkat *yamin* dan tuntutan *mudda'ii* terhadapnya adalah tertolak.

(3) Jika *mudda'ii* gagal memberikan keterangan atau menegaskan sesuatu fakta mengenai tuntutannya dan *mudda'a'alaih* juga tidak mempunyai keterangan yang memuaskan Hakim, Hakim setelah diminta oleh *mudda'ii* hendaklah meminta *mudda'a'alaih* mengangkat *yamin*, jika ia mengangkat *yamin* maka terlepaslah tanggungannya dan tuntutan *mudda'ii* terhadapnya adalah tertolak.

(4) Jika *mudda'a'alaih* enggan mengangkat *yamin*, maka Hakim jika diminta oleh *mudda'a'alaih* boleh meminta *mudda'ii* supaya mengangkat *yamin* dan bila *yamin* diangkat oleh *mudda'ii* maka tuntutannya diterima.

(5) Di dalam kes jenayah, keterangan hendaklah diberi oleh pihak *mudda'ii* dan pihak *mudda'a'alaih*, kecuali jika pihak *mudda'a'alaih* mengaku salah.

Mahkamah memerintahkan mengambil *yamin*.

102. Mahkamah boleh, jika difikirkannya perlu, memerintahkan mana-mana pihak atau kedua belah pihak atau mana-mana saksi, jurubahasa, penterjemah atau pentaksir untuk mengangkat *yamin*.

Huraian 1. - Orang yang bukan beragama Islam bolehlah mengangkat sumpah menurut Ugamanya.

Huraian 2. - Wakil atau pengganti bagi seseorang di dalam mana-mana prosiding tidak boleh mengangkat *yamin* bagi pihak orang yang diwakili atau digantinya.

SYAHADAH

Siapa yang boleh memberi *bayyinah* atau *syahadah*.

103. (1) Tertakluk kepada *Hukum Syara'* dan peruntukan bab ini, semua orang Islam adalah layak memberikan —

(a) *bayyinah*; atau

(b) *syahadah* dengan syarat mereka hendaklah sempurna 'akal, *baligh*, 'adil, mempunyai ingatan yang baik dan tidak menimbulkan tohmah. Bagi kes-kes *hudud* mereka hendaklah juga boleh berkata-kata, melihat dan mendengar.

(2) Tertakluk kepada *Hukum Syara'* dan peruntukan bab ini seorang yang bukan Islam layak memberikan —

- (a) *bayyinah* ke atas orang Islam dan bukan orang Islam;
- (b) *syahadah* seseorang yang bukan Islam ke atas atau bagi orang yang bukan Islam boleh diterima jika ia boleh dipercayai mengikut Ugamanya.

(3) Orang-orang yang layak memberi *bayyinah* tetapi tidak layak memberi *syahadah* adalah —

- (a) seorang yang tidak bersifat '*adil*' yang mana keburukannya mengatasi kebaikannya atau sentiasa bercakap dusta atau rosak akhlaknya;
- (b) seorang kanak-kanak yang belum *baligh* atau seorang *baligh* tetapi terencat akal fikirannya;
- (c) seorang yang dikenali dengan lemah ingatan atau pelupa atau salah ingatan;
- (d) seorang yang diragui kerana hubungan baik atau mempunyai kepentingan dengan pihak yang berkaitan;
- (e) seorang yang diragui kerana hubungan buruk dengan pihak yang berkaitan; dan
- (f) seorang rakan sejenayah terhadap rakan sejenayahnya.

(4) Seorang yang telah sabit kesalahan kerana melakukan *qazaf* yang dikenakan hukuman *hadd*, *bayyinh*nya boleh diterima. Jika ia telah bertaubat, *bayyinh* atau *syahadah*nya boleh diterima menurut *Hukum Syara'*.

Saksi bisu, pekak atau buta.

104. (1) Seorang saksi yang bisu, pekak atau buta boleh memberi *bayyinh* dengan apa-apa cara yang boleh difahami melalui tulisan atau isyarat.

(2) Tulisan hendaklah ditulis dan isyarat hendaklah dilakukan di dalam Mahkamah.

***Bayyinh* atau *syahadah* suami, isteri, ibu bapa dan anak.**

105. (1) Keterangan seorang suami terhadap isterinya boleh diterima sebagai *syahadah* atau *bayyinh*.

(2) Keterangan seorang anak terhadap ibu bapanya hingga ke atas atau keterangan ibu bapa terhadap anaknya hingga ke bawah boleh diterima sebagai *syahadah* atau *bayyinh*.

(3) Keterangan seorang suami bagi isterinya dan keterangan isteri bagi suaminya boleh diterima sebagai *bayyinah*.

(4) Keterangan ibu bapa bagi anaknya hingga ke bawah dan keterangan anaknya bagi ibu bapanya hingga ke atas boleh diterima sebagai *bayyinah*.

Bilangan syahid.

106. (1) *Syahadah* dalam kes zina untuk mensabitkan kesalahan *hadd* tidak boleh diterima kecuali ia diberikan oleh sekurang-kurangnya 4 orang *syahid* lelaki yang menyaksikannya.

(2) Dakwaan seseorang yang dikenali sebagai seorang yang kaya bahawa dia telah menjadi papa tidak boleh diterima kecuali ianya disokong oleh *syahadah* sekurang-kurangnya 3 orang *syahid* lelaki.

Huraian. – Pengakuan seseorang bahawa ia telah menjadi papa dalam hal penentuan zakat atau bagi maksud menggugurkan beban pembayaran hutang atau nafkah kaum kerabat dan isteri ke atas dirinya tidak boleh diterima kecuali disokong oleh *syahadah* sekurang-kurangnya 3 orang *syahid* lelaki.

(3) *Syahadah* di dalam kes-kes *sariqah*, *hirabah*, *qazaf* dan minum-minuman yang memabukkan untuk mensabitkan kesalahan *hudud* tidak boleh diterima kecuali ia diberikan oleh sekurang-kurangnya 2 orang *syahid* lelaki yang menyaksikannya.

(4) *Syahadah* seorang lelaki dalam keadaan yang berikut —

- (a) guru dalam kes kanak-kanak sekolah;
- (b) pakar dalam menilai barang rosak;
- (c) keterangan dalam penerimaan dan penolakan *syahid*;
- (d) pemberitahuan memecat wakil;
- (e) pemberitahuan keaiban barang jualan,

boleh diterima.

(5) *Syahadah* seorang perempuan boleh diterima dalam perkara yang biasa dilihat oleh seseorang perempuan.

Misalan

Syahadah seorang perempuan yang menyusukan seorang kanak-kanak atau *syahadah* seorang bidan dalam perkara *haidh*, beranak, penyusuan dan keaiban perempuan, boleh diterima.

(6) Di dalam perkara-perkara selain dari yang disebut dalam cerai terdahulu, *syahadah* hendaklah diberi oleh 2 orang *syahid* lelaki atau seorang *syahid* lelaki dan 2 orang *syahid* perempuan.

***Syahadah* seorang *syahid* dengan *yamin*.**

107. *Syahadah* seorang *syahid* lelaki sahaja bagi *mudda'ii* adalah layak diterima di dalam kes mal dengan syarat *syahadah* tersebut diberi bersama-sama dengan *yamin* yang diangkat oleh *mudda'ii*.

Misalan

Seorang *mudda'ii* yang menuntut hutang ke atas seorang lain dan hanya mempunyai seorang *syahid*, tuntutan itu boleh diterima dengan syarat *syahid* tersebut memberi *syahadah* bersama dengan *mudda'ii* mengangkat *yamin*.

KOMUNIKASI TERLINDUNG

Komunikasi semasa perkahwinan.

108. Tiada sesiapa pun yang kahwin atau telah kahwin boleh dipaksa untuk mendedahkan sebarang komunikasi yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan oleh mana-mana orang yang dikahwini atau telah dikahwininya; dan dia juga tidak dibenarkan untuk mendedahkan sebarang komunikasi demikian kecuali jika orang yang membuatnya atau wakilnya yang mempunyai kepentingan memberi kebenaran, kecuali dalam guaman-guaman di antara orang-orang yang berkahwin atau prosiding-prosiding dalam mana seorang yang berkahwin itu didakwa bagi mana-mana jenayah yang dilakukan terhadap yang lain.

Keterangan mengenai dengan hal ehwal Negara.

109. Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk mengemukakan mana-mana rekod-rekod rasmi yang tidak disiarkan berkaitan dengan hal ehwal Negara, atau untuk memberi sebarang keterangan yang diambil daripadanya, kecuali dengan kebenaran dari pegawai di ketua Jabatan yang berkenaan, yang mana hendaklah memberi atau menahan kebenaran demikian sebagaimana yang difikirkannya patut, tertakluk, walau bagaimanapun, kepada kawalan Menteri yang bertanggungjawab atas jabatan itu.

Komunikasi rasmi.

110. Pegawai Kerajaan tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan komunikasi yang dibuat kepadanya dalam rahsia rasmi bila ia memikirkan bahawa dengan pendedahan itu akan merugikan kepentingan awam.

Maklumat mengenai dengan berlakunya kesalahan-kesalahan.

111. Mana-mana Hakim, pegawai penguatkuasa agama atau pegawai polis tidak boleh dipaksa untuk mengatakan dari mana ia mendapat sebarang maklumat mengenai dengan berlakunya mana-mana kesalahan, dan pegawai hasil tidak boleh dipaksa untuk mengatakan dari mana ia mendapat sebarang maklumat mengenai dengan berlakunya mana-mana kesalahan terhadap hasil awam atau undang-undang eksais.

Huraian. - "Pegawai hasil" dalam bab ini bermakna mana-mana pegawai yang diambil bekerja dalam atau mengenai urusan mana-mana cawangan hasil awam atau dalam atau mengenai urusan mana-mana ladang Kerajaan.

Komunikasi ikhtisas.

112. Peguam Syar'ie, peguambela atau peguamcara tidak boleh pada bila-bila masa dibenarkan, kecuali dengan kebenaran yang nyata dari pelanggannya, untuk mendedahkan mana-mana komunikasi yang dibuat kepadanya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaannya sebagai peguam Syar'ie, peguambela atau peguamcara demikian oleh atau bagi pihak pelanggannya, atau untuk menyatakan kandungan-kandungan atau keadaan mana-mana dokumen yang diketahuinya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaan profesionalnya, atau untuk mendedahkan mana-mana nasihat yang telah diberikan olehnya kepada pelanggannya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaan tersebut:

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh melindungi daripada pendedahan —

- (a) mana-mana komunikasi demikian yang dibuat dalam menjayakan mana-mana maksud yang menyalahi undang-undang;
- (b) mana-mana fakta yang dipatuhi oleh mana-mana peguam Syar'ie, peguambela atau peguamcara dalam perjalanan pekerjaannya sebagaimana yang membuktikan bahawa mana-mana jenayah atau tipuan telah dilakukan sejak mula-mula ia bekerja.

(2) Adalah tidak mustahak sama ada peguam Syar'ie, peguambela atau peguamcara tersebut ditujukan atau tidak kepada fakta tersebut oleh atau bagi pihak pelanggannya.

Huraian. – Tanggungan yang dinyatakan dalam bab ini berterusan selepas pekerjaan tersebut telah terhenti.

Misalan

- (a) *A*, seorang pelanggan, mengatakan kepada *B*, seorang peguamcara: "Saya telah melakukan pemalsuan dan saya menghendaki awak untuk membela saya".

Oleh kerana pembelaan bagi seseorang yang diketahui bersalah adalah bukan suatu maksud jenayah komunikasi ini adalah dilindungi daripada pendedahan.

- (b) *A*, seorang pelanggan, mengatakan kepada *B*, seorang peguamcara: "Saya ingin memperolehi pemilikan harta dengan menggunakan suatu suratikatan yang palsu dalam mana saya menghendaki awak untuk mendakwa".

Komunikasi ini sebagai dibuat untuk menjayakan suatu maksud jenayah adalah tidak dilindungi daripada pendedahan.

- (c) *A*, yang dituduh melakukan penggelapan, mendapat perkhidmatan guaman dari *B*, seorang peguamcara, untuk membelanya. Dalam perjalanan prosiding tersebut *B* mendapati bahawa suatu catatan telah dibuat dalam buku akaun *A*, yang menuduh *A* dengan jumlah yang dikatakan sebagai telah digelapkan, yang mana catatan tersebut tidak ada dalam buku tersebut ketika ia mula-mula bekerja.

Ini sebagai suatu fakta yang didapati oleh *B* dalam tempoh ia bekerja, yang menunjukkan bahawa suatu penipuan telah dilakukan sejak bermulanya prosiding tersebut, ianya adalah tidak dilindungi daripada pendedahan.

Bab 112 dikenakan kepada jurubahasa-jurubahasa dsb.

113. Bab 112 hendaklah dikenakan kepada jurubahasa-jurubahasa dan kerani-kerani atau pekerja-pekerja peguam Syar'ie-peguam Syar'ie, penguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara.

SYAHADAH ALA AL SYAHADAH

***Syahid asal* tidak dapat hadir di Mahkamah.**

114. Jika seseorang *syahid asal* tidak dapat hadir di Mahkamah kerana sesuatu sebab yang pada pendapat Mahkamah adalah munasabah, maka *syahadahnya* boleh disampaikan oleh *syahid* lain berdasarkan *syahadah ala al syahadah*.

Huraian. - Jika *syahid asal* tidak boleh memberikan *syahadah*nya di Mahkamah, ia boleh meminta *syahid furu'* menyampaikan *syahadah*nya atas *syahadah* yang diberikannya itu.

Cara menyampaikan *syahadah syahid*.

115. *Syahid asal*, hendaklah menyatakan kepada *syahid furu'* yang ia telah menjadi *syahid* kepada fakta persoalan dan memberi kuasa kepada *syahid furu'* untuk menyampaikan *syahadah* bagi pihaknya.

Huraian. - Cara memberikan *syahadah*, ialah dengan *syahid asal* berkata kepada *syahid furu'*, "Naik saksilah engkau atas *syahadah* ku ini, bahawa aku naik saksi bahawa". Selepas itu *syahid furu'* akan berkata di dalam Mahkamah, "Saya (nama) naik saksi bahawa sesungguhnya (nama) telah meminta saya naik saksi atas *syahadah*nya (berhubung dengan fakta) dan ia telah berkata naik saksilah engkau atas *syahadah* saya ini bahawa".

Bila *syahadah ala al syahadah* boleh diterima.

116. *Syahadah ala al syahadah* hanya boleh diterima di dalam kes mal.

Syarat-syarat *syahadah ala al syahadah*.

117. *Syahadah ala al syahadah* boleh diterima dengan syarat-syarat berikut —

- (a) *syahid furu'* semasa memberikan *syahadah*nya hendaklah menyatakan nama dan pengenalan *syahid asal*;
- (b) *syahid asal* dan *syahid furu'* hendaklah memenuhi syarat-syarat untuk menjadi *syahid*;
- (c) *syahadah syahid asal* hendaklah diterima oleh *syahid furu'* yang terdiri dari sekurang-kurangnya 2 orang lelaki atau seorang lelaki dan 2 orang perempuan;
- (d) *syahid asal* tidak menafikan yang ianya meminta *syahid furu'* untuk menyampaikan *syahadah* bagi pihaknya.

PENGGAL III

PEMERIKSAAN SAKSI

Susunan pengemukaan dan pemeriksaan saksi.

118. Susunan bagaimana saksi-saksi dikemukakan dan diperiksa hendaklah dibuat menurut undang-undang dan amalan yang berjalan pada masa itu berhubung dengan tatacara mal dan jenayah dan sekiranya tiada undang-undang seperti itu hendaklah menurut budibicara Mahkamah.

Mahkamah akan memutuskan sama ada keterangan boleh diterima.

119. (1) Bila mana-mana pihak bercadang hendak memberi keterangan mengenai sesuatu fakta, Mahkamah boleh bertanya kepada pihak yang bercadang hendak memberi keterangan itu, bagaimanakah fakta yang dikatakan itu, jika dibuktikan, akan menjadi berkaitan; dan Mahkamah hendaklah menerima keterangan itu hanya jika difikirkannya bahawa fakta itu, jika dibuktikan, akan menjadi berkaitan, dan tidak sebaliknya.

(2) Jika fakta yang hendak dibuktikan itu adalah suatu fakta yang keterangan mengenainya boleh diterima hanya setelah sesuatu fakta lain dibuktikan, maka fakta yang kemudian itu mesti dibuktikan sebelum keterangan diberi mengenai fakta yang mula-mula tersebut itu, melainkan jika pihak itu sanggup hendak membuktikan fakta itu dan Mahkamah puas dengan kesanggupan itu.

(3) Jika perkaitan satu fakta yang dikatakan adalah bergantung kepada terbuktinya terlebih dahulu suatu fakta lain yang dikatakannya, maka Mahkamah boleh menurut budibicaranya, sama ada membenarkan keterangan mengenai fakta yang pertama itu diberi sebelum fakta yang kedua itu dibuktikan, ataupun menghendaki supaya keterangan diberi mengenai fakta yang kedua sebelum keterangan diberi mengenai fakta yang pertama itu.

Misalan

- (a) Adalah dicadangkan hendak membuktikan suatu pernyataan berkenaan dengan suatu fakta yang berkaitan yang telah dibuat oleh seseorang yang dikatakan telah meninggal dunia, iaitu suatu fakta yang berkaitan menurut bab 26.

Fakta bahawa orang itu telah meninggal dunia mesti dibuktikan oleh orang-orang yang bercadang hendak membuktikan pernyataan itu sebelum keterangan diberi mengenai pernyataan itu.

- (b) Adalah dicadangkan hendak membuktikan kandungan suatu dokumen yang dikatakan telah hilang dengan mengemukakan suatu salinannya.

Fakta bahawa naskhah asalnya telah hilang mesti dibuktikan oleh orang yang bercadang hendak mengemukakan salinan itu sebelum salinan itu dikemukakan.

- (c) *A* dituduh menerima harta curian, dengan mengetahui bahawa ianya telah dicuri.

Adalah dicadangkan untuk membuktikan bahawa ia menafikan memiliki harta itu.

Perkaitan penafian tersebut bergantung kepada identiti harta itu. Mahkamah boleh atas budibicaranya sama ada menghendaki harta itu dikenalpasti sebelum penafian bagi pemilikan itu dibuktikan atau membenarkan penafian bagi pemilikan tersebut dibuktikan sebelum harta itu dikenalpasti.

- (d) Adalah dicadangkan untuk membuktikan suatu fakta *A* yang mana dikatakan sebagai sebab atau natijah bagi sesuatu fakta persoalan. Ada terdapat beberapa fakta perantaraan *B*, *C* dan *D* yang mana hendak dibuktikan wujud sebelum fakta *A* boleh dianggap sebagai sebab atau natijah bagi fakta persoalan itu. Mahkamah boleh sama ada membenarkan *A* untuk dibuktikan sebelum *B*, *C* atau *D* dibuktikan atau boleh menghendaki bukti bagi *B*, *C* dan *D* sebelum membenarkan bukti bagi *A*.

Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas, pemeriksaan semula.

120. (1) Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak yang memanggilnya adalah disebut pemeriksaan utamanya.

(2) Pemeriksaan seseorang saksi oleh pihak lawan adalah disebut pemeriksaan balasnya.

(3) Jika seseorang saksi telah diperiksa balas dan kemudiannya diperiksa oleh pihak yang telah memanggilnya, maka pemeriksaan itu adalah disebut pemeriksaan semulanya.

Susunan pemeriksaan. Arahan mengenai pemeriksaan semula.

121. (1) Saksi-saksi hendaklah mula-mulanya diperiksa utama, kemudian, jika dikehendaki oleh pihak lawan, diperiksa balas, kemudian, jika dikehendaki oleh pihak yang telah memanggil mereka, diperiksa semula.

(2) Pemeriksaan dan pemeriksaan balas mestilah berhubung dengan fakta-fakta berkaitan, tetapi pemeriksaan balas tidak perlu dihadkan kepada fakta-fakta yang telah diterangkan oleh saksi itu dalam pemeriksaan utamanya.

(3) Pemeriksaan semula hendaklah diarahkan kepada penghuraian perkara-perkara yang ada disebutkan di dalam pemeriksaan balas; dan jika, dengan kebenaran Mahkamah, suatu perkara baharu dikemukakan di dalam pemeriksaan semula, maka pihak lawan boleh selanjutnya memeriksa balas atas perkara itu.

(4) Mahkamah boleh dalam segala hal membenarkan seseorang saksi dipanggil semula sama ada untuk pemeriksaan utama yang selanjutnya atau untuk pemeriksaan balas yang selanjutnya, dan jika Mahkamah membenarkan demikian itu, maka pihak-pihak adalah berhak kepada pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula yang selanjutnya.

Pemeriksaan balas atas orang yang dipanggil supaya mengemukakan suatu dokumen.

122. Seseorang yang disaman supaya hadir bagi mengemukakan sesuatu dokumen tidaklah menjadi seorang saksi semata-mata oleh sebab ia mengemukakan dokumen itu, dan ia tidak boleh diperiksa balas melainkan dan sehingga ia dipanggil sebagai seorang saksi.

Saksi-saksi berkenaan dengan watak.

123. Saksi-saksi berkenaan dengan watak boleh diperiksa balas dan diperiksa semula.

Soalan-soalan memimpin.

124. Mana-mana soalan yang membayangkan jawapan yang orang yang mengemukakan soalan itu berkehendak atau menjangka mendapat atau yang membayangkan fakta-fakta yang dipertikaikan yang saksi itu dikehendaki memberi keterangan adalah disebut soalan memimpin.

Bila soalan-soalan memimpin tidak boleh ditanya.

125. (1) Soalan-soalan memimpin tidak boleh, jika dibantah oleh pihak lawan, ditanya di dalam sesuatu pemeriksaan utama atau di dalam sesuatu pemeriksaan semula, kecuali dengan mendapat kebenaran Mahkamah.

(2) Mahkamah hendaklah membenarkan soalan-soalan memimpin berkenaan dengan perkara-perkara permulaan atau yang tidak dipertikaikan, atau yang telah pada pendapatnya, dibuktikan dengan secukupnya.

Bila soalan-soalan memimpin boleh ditanya.

126. (1) Soalan-soalan memimpin boleh ditanya di dalam pemeriksaan balas, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut —

- (a) soalan itu tidak boleh mengandungi perkataan-perkataan yang saksi itu dikehendaki akan memperkatakan balik; dan
- (b) soalan itu tidak boleh mensifatkan bahawa fakta-fakta yang belum dibuktikan telah dibuktikan atau mensifatkan bahawa jawapan-jawapan yang tertentu telah diberi berlawanan dengan fakta.

(2) Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, melarang soalan-soalan memimpin daripada dikemukakan kepada seseorang saksi yang ada menunjukkan kecenderungan yang kuat atau berat sebelah kepada pihak yang memeriksa balas.

Keterangan tentang perkara-perkara yang bertulis.

127. Mana-mana saksi boleh ditanya semasa dalam pemeriksaan sama ada mana-mana kontrak, pemberian atau lain-lain pelupusan harta yang berkenaan dengannya ia memberi keterangan tidak ada terkandung dalam sesuatu dokumen, dan sekiranya ia berkata ada, atau sekiranya ia hampir hendak membuat mana-mana pernyataan tentang kandungan sesuatu dokumen yang pada pendapat Mahkamah patut dikemukakan, maka pihak lawan boleh membantah keterangan itu diberi sehingga dokumen itu dikemukakan atau sehingga fakta-fakta telah dibuktikan yang memberi hak kepada pihak yang telah memanggil saksi itu untuk memberi keterangan turunan mengenainya.

Huraian. — Seseorang saksi boleh memberi keterangan lisan mengenai pernyataan-pernyataan yang telah dibuat oleh orang-orang lain berkenaan dengan kandungan dokumen-dokumen jika pernyataan-pernyataan itu adalah sendirinya fakta-fakta berkaitan.

Misalan

Masalah sama ada *A* telah menyerang *B*.

C menerangkan dengan sumpah bahawa ia telah mendengar *A* berkata kepada *D*: "*B* telah menulis surat kepada saya menuduh saya mencuri dan saya akan mengambil tindak balas ke atasnya".

Pernyataan ini adalah berkaitan sebagai menunjukkan motif *A* menyerang *B* dan keterangan boleh diberi mengenai pernyataan itu walaupun tiada apa-apa keterangan lain diberi berkenaan dengan surat itu.

Pemeriksaan balas tentang pernyataan-pernyataan bertulis yang dahulu.

128. (1) Seseorang saksi boleh diperiksa balas tentang pernyataan-pernyataan yang dahulu dibuat olehnya dengan bertulis atau yang diturunkan menjadi tulisan, dan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang menjadi soal dalam guaman atau prosiding dalam mana ia diperiksa balas itu, tanpa tulisan itu ditunjukkan kepadanya atau dibuktikan; tetapi jika ianya dimaksudkan untuk menyangkal saksi itu dengan jalan tulisan itu, maka saksi itu mestilah sebelum tulisan itu boleh dibuktikan, diminta supaya mengambil perhatian atas bahagian-bahagian tulisan yang hendak digunakan bagi maksud menyangkalnya itu.

(2) Jika seseorang saksi, bila diperiksa balas tentang keterangan lisan yang dahulu dibuat olehnya yang berkaitan dengan perkara-perkara yang menjadi soal dalam guaman atau prosiding dalam mana ia diperiksa balas dan tidak bersesuaian dengan keterangan lisannya pada masa itu, tidak mengaku dengan terangnya bahawa ia telah membuat pernyataan itu, maka bukti boleh diberi yang ia telah sebenarnya membuat keterangan lisan itu; tetapi sebelum bukti dapat diberikan, hal-hal keadaan pernyataan yang dikatakan itu, yang cukup untuk menentukan peristiwa yang ia telah membuat pernyataan itu, mestilah disebutkan kepada saksi itu, dan ia mestilah ditanya sama ada ia telah membuat pernyataan itu atau tidak.

Soalan-soalan yang sah di sisi undang-undang dalam pemeriksaan balas.

129. Bila seseorang saksi boleh diperiksa balas ia boleh, selain dari soalan-soalan yang tersebut dahulu daripada ini, ditanya mana-mana soalan yang boleh —

- (a) menguji ketepatannya, kebenarannya atau kebolehpercayaannya;
- (b) menentukan siapakah ia dan apakah kedudukannya dalam kehidupan; atau
- (c) melemahkan kebolehpercayaannya dengan jalan mencemarkan wataknya walaupun jawapan kepada soalan yang tersebut mungkin secara langsung atau tidak langsung melibatkan jenayah atas dirinya, atau boleh mendedahkan atau mungkin secara langsung atau tidak langsung mendedahkan ia kepada sesuatu hukuman atau perlucuthakan.

Mahkamah akan memutuskan bila soalan-soalan hendak ditanya dan bila saksi boleh dipaksa menjawab.

130. (1) Jika mana-mana soalan adalah berhubung dengan suatu perkara yang tidak berkaitan dengan guaman atau prosiding itu, kecuali setakat yang menyentuh kebolehpercayaan saksi itu dengan mencemarkan wataknya, maka Mahkamah hendaklah memutuskan sama ada saksi itu boleh dipaksa menjawab soalan itu atau tidak, dan Mahkamah boleh, jika difikirkannya tidak patut

memaksa saksi itu menjawab soalan itu, memberitahu kepada saksi itu bahawa ia tidak terpaksa menjawabnya.

(2) Pada menjalankan budibicaranya, Mahkamah hendaklah memberi perhatian atas perkara-perkara yang berikut —

- (a) soalan-soalan itu adalah patut jika ia berkeadaan yang sedemikian bahawa kebenaran tohmahan yang dibayangkan olehnya itu akan mempengaruhi dengan kuatnya pendapat Mahkamah tentang kebolehpercayaan saksi itu atas perkara yang diterangkannya;
- (b) soalan-soalan itu adalah tidak patut jika tohmahan yang dibayangkan olehnya itu adalah berhubung dengan perkara-perkara yang berlaku terlalu lama dahulu atau yang berkeadaan yang sedemikian bahawa kebenaran tohmahan itu tidak akan mempengaruhi atau akan mempengaruhi sedikit sahaja pendapat Mahkamah tentang kebolehpercayaan saksi itu atas perkara yang diterangkannya;
- (c) soalan-soalan itu adalah tidak patut jika kepentingan tohmahan yang dibuat ke atas watak saksi itu dengan kepentingan keterangannya itu jauh tidak seimbang;
- (d) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengambil kesimpulan dari keengganannya saksi itu menjawab, bahawa jawapannya, jika diberi, akan merugikan.

Soalan tidak boleh ditanya tanpa alasan yang munasabah.

131. Tiada soalan seperti yang tersebut dalam bab 130 patut ditanya melainkan jika orang yang menanyakan itu ada mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi memikirkan bahawa tohmahan yang dibayangkan oleh soalan itu adalah cukup berasas.

Misalan

- (a) Seorang peguam Syar'ie diberitahu oleh seorang peguam Syar'ie lain bahawa seorang saksi penting adalah seorang penjudi profesional. Ini adalah suatu alasan yang munasabah bagi menanyakan saksi itu sama ada ia seorang penjudi profesional.
- (b) Seorang peguam Syar'ie diberitahu oleh seorang di dalam Mahkamah bahawa seorang saksi penting adalah seorang penjudi profesional. Orang yang memberitahu itu, ketika ditanya oleh peguam tersebut, memberikan sebab-sebab yang memuaskan atas pernyataannya itu. Ini adalah suatu alasan yang munasabah bagi menanyakan saksi itu sama ada ia seorang penjudi profesional.

- (c) Seseorang saksi yang tiada apa-apa pun diketahui mengenainya ditanya secara rambang sama ada ia seorang penjudi profesional. Di sini tidak ada alasan-alasan yang munasabah bagi soalan itu.
- (d) Seseorang saksi yang tiada apa-apa pun diketahui mengenainya memberi jawapan-jawapan yang tidak memuaskan apabila ditanya tentang cara hidup dan mata pencariannya. Ini boleh jadi suatu alasan yang munasabah bagi menanyakan saksi itu sama ada ia seorang penjudi profesional.

Prosedur bagi Mahkamah sekiranya soalan ditanya dengan tiada alasan-alasan yang munasabah.

132. Jika Mahkamah berpendapat bahawa sesuatu soalan seperti dalam bab 130 telah ditanya dengan tiada alasan-alasan yang munasabah, maka Mahkamah boleh, jika soalan itu telah ditanyakan oleh seorang peguam melaporkan hal keadaan kes kepada Ketua Hakim Syarie atau pihak berkuasa yang lain yang mana peguam itu tertakluk kepadanya dalam menjalankan tugasnya.

Soalan lucah atau yang membawa aib.

133. Mahkamah boleh melarang mana-mana soalan atau pertanyaan yang disifatkan sebagai lucah atau yang membawa aib, walaupun soalan-soalan atau siasatan-siasatan itu mungkin ada kena-mengena dengan soalan-soalan yang ada di hadapan Mahkamah, melainkan jika soalan-soalan atau siasatan-siasatan itu berhubung dengan fakta-fakta persoalan atau dengan perkara-perkara yang perlu diketahui untuk menentukan ada atau tidaknya fakta-fakta persoalan itu.

Soalan-soalan yang bertujuan untuk menghina atau menggosokan.

134. Mahkamah hendaklah melarang mana-mana soalan yang difikirkannya sebagai dimaksudkan untuk menghina atau menggosokan atau mana-mana soalan yang difikirkannya terlampau bercorak menyakitkan hati walaupun soalan itu adalah sendirinya soalan yang patut.

Penyingkiran keterangan bagi menyangkal jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang menguji kebenaran.

135. Bila seseorang saksi telah ditanya dan telah menjawab sesuatu soalan yang berkaitan dengan siasatan itu hanya setakat yang boleh melemahkan kebolehpercayaannya dengan mencatatkan wataknya, maka tiada keterangan boleh diberi bagi menyangkalnya; tetapi jika ia menjawab dengan palsu ia boleh kemudiannya didakwa kerana memberi keterangan palsu.

Kecualian 1. - Jika seseorang saksi ditanya sama ada ia dahulu telah disabitkan kesalahan dalam mana-mana jenayah dan ia menafikannya, maka keterangan boleh diberi mengenai sabitan kesalahannya yang dahulu itu.

Kecualian 2. - Jika seseorang saksi ditanya mana-mana soalan yang boleh mencabar kesaksamaannya dan ia menjawab dengan menafikan fakta-fakta yang dibayangkan itu, maka ia boleh disangkal.

Misalan

- (a) Seseorang saksi ditanya sama ada ia telah dibuang dari suatu jawatan kerana kelakuan tidak jujur. Ia menafikannya.

Keterangan yang diberi adalah bagi menunjukkan yang ia telah dibuang kerana kelakuan tidak jujur.

Keterangan itu tidak boleh diterima.

- (b) *A* memberi keterangan bahawa pada suatu hari yang tertentu ia telah melihat *B* di Tutong.

A ditanya sama ada ia sendiri tidak berada di Temburong pada hari itu. Ia menafikannya.

Keterangan diberi untuk menunjukkan yang *A* telah berada di Temburong.

Keterangan itu boleh diterima, bukan sebagai menyangkal *A* atau suatu fakta yang menyentuh kebolehpercayaannya, tetapi sebagai menyangkal fakta yang dikatakan bahawa *B* telah dilihat di Tutong pada hari itu.

- (c) *A*, yang memberi keterangan terhadap *B*, ditanya sama ada ia tidak berkata bahawa ia akan membalas dendam ke atas *B*. Dia menafikannya.

Ia boleh disangkal atas alasan bahawa soalan itu boleh mencabar kesaksamaannya.

Soalan oleh pihak kepada saksinya sendiri.

136. Mahkamah boleh, menurut budibicaranya, membenarkan orang yang memanggil seseorang saksi supaya mengemukakan kepadanya mana-mana soalan kepadanya yang mungkin dikemukakan dalam pemeriksaan balas oleh pihak lawan.

Mencabar kebolehpercayaan saksi.

137. Kebolehpercayaan seseorang saksi boleh dicabar dengan cara-cara yang berikut oleh pihak lawan atau, dengan persetujuan Mahkamah, oleh pihak yang memanggilnya —

- (a) dengan jalan keterangan yang diberi oleh orang-orang yang menerangkan bahawa mengikut pengetahuan mereka berkenaan dengan saksi itu mereka percaya saksi itu tidak boleh dipercayai;
- (b) dengan jalan bukti bahawa saksi itu telah diberi rasuah, atau telah menerima tawaran rasuah, atau telah menerima mana-mana dorongan lain yang berupa rasuah supaya memberi keterangannya;
- (c) dengan jalan bukti pernyataan-pernyataannya dahulu yang tidak bersesuaian dengan mana-mana bahagian keterangannya yang boleh disangkal.

Huraian. — Seseorang saksi yang menyatakan seorang saksi lain sebagai tidak boleh dipercayai tidak boleh, dalam pemeriksaan utamanya, memberikan sebab-sebab bagi kepercayaannya itu, tetapi ia boleh ditanya sebab-sebabnya dalam pemeriksaan balas, dan jawapan-jawapan yang diberinya itu tidak boleh disangkal, walaupun, jika jawapan-jawapan itu palsu, ia boleh kemudiannya didakwa kerana memberi keterangan palsu.

Misalan

- (a) *A* mendakwa *B* bagi harga-harga barang-barang yang dijual dan dihantarkan oleh *B*. *C* mengatakan bahawa ia menghantar barang-barang tersebut kepada *B*.

Keterangan diberi untuk menunjukkan bahawa dahulu ia pernah mengatakan bahawa ia belum menghantar barang-barang tersebut kepada *B*.

Keterangan tersebut boleh diterima.

- (b) *A* dituduh atas pembunuhan *B*. *C* mengatakan bahawa *B* ketika dalam *marad al maut* mengaku bahawa *A* telah menyebabkan luka kepada *B* daripada mana ia meninggal dunia.

Keterangan diberi untuk menunjukkan bahawa dahulu *C* mengatakan bahawa luka tersebut bukan disebabkan oleh *A* atau bukan di hadapannya.

Keterangan tersebut boleh diterima.

Soalan-soalan yang boleh menyokong keterangan atau fakta berkaitan boleh diterima.

138. (1) Bila seseorang saksi yang dikehendaki untuk menyokong keterangan, memberi keterangan mengenai sesuatu fakta berkaitan, ia boleh disoal tentang mana-mana hal keadaan lain yang ada dilihatnya pada atau dekat dengan waktu atau tempat yang fakta berkaitan itu telah berlaku, jika Mahkamah berpendapat bahawa hal keadaan itu, jika dibuktikan, akan menyokong keterangan saksi itu tentang fakta berkaitan yang diterangkannya itu.

(2) Sebarang rukun undang-undang atau amalan di mana dalam prosiding jenayah keterangan seorang saksi tidak boleh menyokong keterangan saksi lain adalah dengan ini dibatalkan.

Misalan

A seorang rakan sejenayah menceritakan hal sesuatu kesalahan yang ia telah mengambil bahagian. Ia menceritakan berbagai-bagai kejadian, yang tidak berhubung dengan kesalahan itu, yang telah berlaku dalam perjalanannya ke tempat dan dari tempat kesalahan itu telah dilakukan.

Keterangan bebas mengenai fakta-fakta ini boleh diberi bagi menyokong keterangan rakan sejenayah itu tentang kesalahan itu sendiri.

Pernyataan-pernyataan dahulu yang dibuat oleh saksi boleh dibuktikan bagi menyokong keterangan yang dibuat kemudiannya tentang fakta yang sama.

139. Bagi menyokong keterangan seseorang saksi, sesuatu pernyataan dahulu yang dibuat oleh saksi, sama ada pernyataan dahulu itu dibuat dengan bertulis atau lisan, atau dalam percakapan biasa, berkenaan dengan fakta yang sama pada atau kira-kira pada waktu fakta itu telah berlaku, atau dibuat di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang layak di sisi undang-undang menyiasat fakta itu, boleh dibuktikan.

Perkara yang boleh dibuktikan berhubung dengan pernyataan yang telah dibuktikan yang berkaitan di bawah bab 26 atau 27.

140. Bila sesuatu yang berkaitan di bawah bab 26 atau 27 dibuktikan, maka bolehlah dibuktikan segala perkara sama ada bagi menyangkal atau menyokong pernyataan itu, atau bagi mencabar atau mengesahkan kebolehpercayaan orang yang telah membuatnya itu, iaitu segala perkara yang boleh dibuktikan sekiranya orang itu telah dipanggil sebagai seorang saksi dan bila diperiksa balas ianya telah menafikan kebenaran perkara yang dikatakan itu.

Mengingatn semula.

141. (1) Seseorang saksi boleh semasa dalam pemeriksaan mengingatn semula dengan merujuk kepada tulisan-tulisan yang telah dibuat olehnya sendiri pada masa kejadiannya yang berkenaan dengannya ia disoal itu, atau pada masa yang tidak sebegitu lama kemudiannya yang difikirkan oleh Mahkamah mungkin bahawa yang kejadian itu masih nyata pada masa itu dalam ingatannya.

(2) Saksi itu boleh juga merujuk kepada mana-mana tulisan yang seumpama itu yang telah dibuat oleh mana-mana orang lain dan yang telah dibacanya, ia mengetahui tulisan itu sebagai betul.

(3) Bila saksi itu boleh mengingatn semula dengan merujuk kepada sesuatu dokumen, maka ia boleh dengan kebenaran Mahkamah, merujuk kepada mana-mana salinan dokumen itu:

Dengan syarat Mahkamah berpuashati bahawa ada sebab-sebab yang cukup mengapa naskhah asalnya tidak dikemukakan.

(4) Seseorang pakar boleh mengingatn semula dengan merujuk kepada buku-buku ilmiah profesional.

Keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalam dokumen yang tersebut dalam bab 141.

142. Seseorang saksi boleh juga memberikan keterangan mengenai fakta-fakta yang tersebut dalam mana-mana dokumen seperti yang disebutkan dalam bab 141 Perintah ini, sungguhpun ia tiada ingatan yang tepat tentang fakta-fakta itu sendiri, jika ia yakin bahawa fakta-fakta itu telah direkodkan dengan betul dalam dokumen itu.

Misalan

Seorang penyimpan kira-kira boleh memberi keterangan mengenai fakta-fakta yang telah direkodkan olehnya dalam buku kira-kira yang sentiasa dicatatkan dalam perjalanan urusan jika ia mengetahui bahawa buku kira-kira itu telah dicatat dengan betul, walaupun ia telah terlupa tentang urusan-urusan yang tertentu yang telah dicatatkannya.

Hak pihak lawan ke atas tulisan yang digunakan untuk mengingati semula.

143. Mana-mana tulisan yang dirujuk di bawah bab 141 atau bab 142 mestilah dikemukakan dan ditunjukkan kepada pihak lawan, jika ia menghendaknya; pihak yang tersebut itu boleh, jika ia suka, memeriksa balas saksi itu atas tulisan itu.

Pengemukakan dokumen-dokumen dan terjemahan dokumen-dokumen.

144. (1) Seseorang saksi yang dipanggil supaya hadir mengemukakan sesuatu dokumen hendaklah, jika dokumen itu ada di dalam miliknya atau di bawah kuasanya, membawa dokumen itu ke Mahkamah walaupun mungkin ada sebarang bantahan tentang sama ada dokumen itu boleh dikemukakan atau diterima dalam keterangan. Keesahan sesuatu bantahan itu hendaklah diputuskan oleh Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, memeriksa dokumen itu melainkan jika dokumen itu adalah berkenaan dengan hal ehwal negara, atau mengambil keterangan lain bagi membolehkan ia menentukan sama ada dokumen itu boleh diterima atau tidak.

(3) Jika bagi maksud itu sesuatu dokumen perlu diterjemahkan, maka Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan penterjemahnya supaya merahsiakan kandungan dokumen itu melainkan jika dokumen itu akan diberi sebagai keterangan.

Memberi dokumen yang diminta dan dikemukakan sebagai keterangan setelah notis diberi.

145. Bila sesuatu pihak meminta sesuatu dokumen di mana pihak yang satu lagi itu telah diberi notis supaya mengemukakan, dan dokumen itu ada dikemukakan dan diperiksa oleh pihak yang meminta supaya ianya dikemukakan, maka pihak itu adalah terpaksa memberikannya sebagai keterangan jika pihak yang mengemukakannya menghendaknya berbuat demikian dan jika ianya berkaitan.

Menggunakan dokumen yang telah enggan dikemukakan sebagai keterangan setelah notis diberi.

146. Bila sesuatu pihak enggan mengemukakan sesuatu dokumen yang ia telah diberi notis supaya mengemukakan, maka ia tidak boleh kemudiannya menggunakan dokumen itu sebagai keterangan tanpa persetujuan pihak yang satu lagi itu atau perintah Mahkamah.

Misalan

A mendakwa *B* atas suatu perjanjian, dan memberi *B* notis supaya mengemukakannya. Pada perbicaraan itu *A* meminta dokumen itu, dan *B* enggan mengemukakannya. *A* memberi keterangan turunan mengenai kandungannya. *B* meminta untuk mengemukakan dokumen itu sendiri bagi menyangkal keterangan turunan yang diberi oleh *A* itu atau bagi menunjukkan bahawa perjanjian itu tidak disetem. Ia tidak boleh berbuat demikian.

Kuasa Hakim untuk mengemukakan soalan-soalan atau memerintahkan apa-apa jua untuk dikemukakan.

147. Hakim boleh, untuk mengetahui atau mendapatkan bukti yang sepatutnya mengenai fakta-fakta yang berkaitan, menanya mana-mana soalan yang ia suka, dalam sebarang bentuk pada bila-bila masa, pada mana-mana saksi atau pihak, mengenai mana-mana fakta yang berkaitan atau tidak berkaitan; dan boleh memerintah supaya dikemukakan sebarang dokumen atau benda; dan mana-mana pihak atau wakil-wakil mereka tidak berhak membuat sebarang bantahan atas mana-mana soalan atau perintah itu, atau, tanpa kebenaran Mahkamah, memeriksa balas mana-mana saksi atas mana-mana jawapan yang diberi bagi menjawab mana-mana soalan itu:

Dengan syarat bahawa keputusannya mestilah berasaskan fakta-fakta yang ditetapkan oleh Perintah ini sebagai berkaitan dan dibuktikan dengan sepenuhnya.

PENGGAL IV

MEMPASTIKAN KEBENARAN KETERANGAN SYAHADAH SYAHID

Mempastikan kebenaran *syahadah syahid*.

148. (1) Seseorang *syahid* atau mana-mana pihak yang hendak memanggil *syahid* yang hendak memberi keterangan *syahadah* hendaklah memberi notis terdahulu kepada Mahkamah untuk tujuan tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan dalam Penggal III adalah dikenakan kepada *syahid* yang memberikan keterangan *bayyinah* atau *syahadah* bagi memastikan ketepatan keterangannya.

(3) Peruntukan-peruntukan dalam Penggal ini adalah dikenakan kepada *syahid* yang memberikan *syahadah* bagi memastikan keadilannya.

Huraian. – Jika Hakim berkata mana-mana *syahid* bercakap benar atau mana-mana *syahid* itu 'adil tetapi *syahid* tersebut telah melakukan kesilapan dalam keterangannya atau *syahid* itu lupa fakta atau, katanya *syahid* itu 'adil tetapi ia menafikan dakwaan tersebut, Hakim tidak boleh memberi keputusan, kecuali terlebih dahulu memastikan *syahid* tersebut bersifat 'adil atau sebaliknya dengan *tazkiyah al syuhud* di dalam Mahkamah atau secara rahsia.

Jenis *tazkiyah al syuhud*.

149. *Syahid* hendaklah dikenakan *tazkiyah al syuhud* secara terbuka di dalam Mahkamah atau secara rahsia melalui *muzakki*.

Misalan

- (a) Jika *syahid* itu seorang pelajar, *syahid* hendaklah diperiksa melalui guru sekolah tempat ia belajar dan melalui pihak yang boleh dipercayai di tempat tersebut.
- (b) Jika *syahid* seorang anggota angkatan bersenjata, pemeriksaan dibuat melalui pegawai pemerintahnya.
- (c) Jika *syahid* seorang awam, ia hendaklah diperiksa melalui penduduk yang boleh dipercayai di tempat ia tinggal.

Muzakki.

150. Seorang *muzakki* itu hendaklah seorang yang beragama Islam, 'adil, sempurna akal, *baligh*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak menimbulkan tohmah, yang arif tentang latar belakang *syahid*, yang ia diminta oleh Hakim untuk memberi maklumat sama ada *syahid* berkenaan 'adil atau tidak.

Huraian. – Jika *syahid* tersebut bukan beragama Islam, *muzakki-muzakki* boleh terdiri daripada mereka yang bukan beragama Islam.

Tazkiyah secara terbuka.

151. *Tazkiyah al syuhud* secara terbuka dilakukan dengan cara berikut –

- (a) *syahid* dibawa ke hadapan Hakim pada masa kehadiran pihak dalam guaman dan ditazkiyah oleh *muzakki*; atau
- (b) *syahid* dan pihak dalam guaman dihantar ke tempat pemeriksaan dan di situ *syahid* itu ditazkiyah.

Tazkiyah secara terbuka adalah menjadi sebahagian daripada *syahadah*.

152. *Tazkiyah* secara terbuka adalah menjadi sebahagian daripada *syahadah* yang mengambilkira syarat dan bilangan *syahid*.

Tazkiyah secara rahsia.

153. (1) *Tazkiyah* secara rahsia hendaklah dibuat dengan 'Surat Rahsia' di mana Hakim akan menulis nama pihak kena tuntutan atau pihak kena dakwa dan perkara yang dituntut atau didakwa, juga nama *syahid*, pengenalan, pekerjaan, tempat tinggal bagi memperkenalkan *syahid* tersebut dengan cara yang jelas.

(2) Maklumat itu akan diendorskan ke dalam satu sampul yang dimeterai, sampul itu kemudiannya diberikan kepada orang yang dipilih untuk menjadi

muzakki. Sebaik sahaja sampul itu diterima dan dibaca oleh *muzakki*, ia hendaklah menulis di bawah nama *syahid* itu perkataan "'*adil*" jika didapati saksi itu '*adil*' dan "tidak '*adil*" jika didapati saksi itu tidak '*adil*' serta menandatangani dan menghantarkan surat itu kembali kepada Hakim.

(3) Bila 'Surat Rahsia' itu dikembalikan kepada Hakim dan tidak terdapat perkataan "'*adil*" dari *muzakki* tentang *syahid* tersebut, tetapi terdapat perkataan yang memberi makna saksi itu "tidak '*adil*" secara jelas atau tersirat, Hakim boleh meminta pihak menuntut atau mendakwa membawa *syahid* lain.

Huraian. - Jika *muzakki* itu menulis *syahid* "tidak '*adil*", atau ia tidak mengetahui kedudukan *syahid* itu atau menulis "*Wallahu'a'alam*" atau ia tidak menulis sebarang perkataan, Hakim tidak boleh menerima keterangan *syahid* tersebut.

Bilangan *muzakki tazkiyah* rahsia.

154. Bilangan *muzakki* dalam *tazkiyah* secara rahsia adalah mencukupi seorang, tetapi Hakim boleh meminta lebih daripada seorang jika difikirkannya perlu sebagai langkah berhati-hati.

Bila *syahid* tidak perlu diperiksa.

155. Hakim tidak lagi perlu menjalankan *tazkiyah* ke atas *syahid* yang telah pun nyata keadilannya dalam sesuatu prosiding yang telah dijalankan bila *syahid* itu menjadi *syahid* dalam prosiding yang lain di hadapan Hakim tersebut sekiranya jarak masa antara kedua-dua prosiding itu tidak melebihi 6 bulan kecuali jika Hakim mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk membuat *tazkiyah* semula. Jika jarak masa antara kedua-dua prosiding itu melebihi 6 bulan, Hakim hendaklah membuat pemeriksaan semula.

Menuduh *syahid* tidak '*adil*.

156. Bila mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding menuduh tidak '*adil*' mana-mana *syahid* pihak lawannya sama ada sebelum atau selepas *tazkiyah* itu sebelum Hakim memberi keputusan dengan mengemukakan sebarang fakta yang boleh menghalang penerimaan keterangan *syahid* itu, Hakim hendaklah meminta supaya ia membuktikan fakta itu.

Huraian. - Bila mana-mana pihak dalam sesuatu prosiding membuktikan bahawa seseorang *syahid* itu tidak '*adil*', Hakim hendaklah menolak keterangan *syahid* tersebut. Jika pihak itu gagal membuktikannya, Hakim hendaklah meneruskan *tazkiyah* ke atas *syahid* itu jika ia belum berbuat kemudian dan memberi keputusannya mengikut keterangan jika ia telah membuat *tazkiyah al syuhud* tersebut.

Bila *muzakki* berbeza pendapat.

157. Bila salah seorang dari *muzakki* mendapati *syahid* tersebut adalah '*adil*' sedangkan *muzakki* yang lain mendapati ia tidak '*adil*', Hakim tidak boleh membuat keputusan berdasarkan kepada keterangan *syahid* itu.

Penerusan *tazkiyah*.

158. Hakim boleh, jika difikirkannya perlu bagi kes-kes tertentu mengadakan *tazkiyah* bagi kali kedua.

***Syahid* meninggal dunia, hilang atau tidak diketahui di mana ia berada.**

159. Bila seseorang *syahid* meninggal dunia, hilang atau tidak diketahui di mana ia berada selepas ia memberi keterangan dalam perkara-perkara mal, Hakim mempunyai bidang kuasa membuat pemeriksaan ke atas keterangannya dan boleh memberi keputusan mengikut keterangannya.

Bila *syahid* boleh diperintahkan mengangkat *yamin*.

160. Bagi kes-kes mal, bila keadaan memerlukan atau proses *tazkiyah al syuhud* tidak boleh dilaksanakan atau *mudda'a'alaih* membuat permohonan meminta Hakim memerintahkan supaya *syahid* mengangkat *yamin* sebagai *syahid* yang bercakap benar kerana terdapat keperluan untuk memperteguhkan *syahadah*nya, Hakim hendaklah memerintahkan *syahid* tersebut mengangkat *yamin* dan Hakim hendaklah memperingatkannya bahawa jika ia tidak mengangkat *yamin syahadah*nya tidak akan diterima.

PENGGAL V

PERUNTUKAN AM

Cara pensabitan hukuman.

161. (1) Mana-mana kesalahan *hudud* hanya boleh disabitkan melalui *ikrar* atau *syahadah* menurut *Hukum Syara'*.

(2) Mana-mana kesalahan yang dikenakan hukuman *ta'zir* boleh disabitkan dengan apa-apa keterangan menurut *Hukum Syara'*.

Penarikan balik *syahadah*.

162. Tertakluk kepada *Hukum Syara'*, mana-mana *syahadah* yang telah diterima oleh Mahkamah tidak boleh ditarik balik melainkan penarikan balik *syahadah* tersebut dilakukan di dalam Mahkamah.

Hukum Syara' hendaklah dikenakan jika tiada peruntukan.

163. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran mana-mana peruntukan di dalam Perintah ini yang berlawanan dengan *Hukum Syara'* adalah tidak sah setakat mana ianya berlawanan.

(2) Mengenai mana-mana perkara yang tidak diperuntukkan dengan nyata dalam Perintah ini atau dalam sebarang aturan yang dibuat di bawah Perintah ini Mahkamah hendaklah mengikut kepada *Hukum Syara'*.

Kuasa untuk membuat aturan-aturan.

164. Ketua Hakim Syar'ie dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat aturan-aturan bagi maksud Perintah ini.

Pindaan kepada Penggal 77.

165. Bab 57 daripada Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL

'Adil	عادل
'Aib	عيب
Mudda'a 'alaih	مدعى عليه
Mudda'ii	مدعى
'Ariyah	عارية
Asyhadu	اشهد
Bayyinah	بينة
Baligh/Akil Baligh	بالغ/عاقل بالغ
Furu'	فروع
Ghaib	غيب
Haidh	حيض
Hadd	حد
Hudud	حدود
Hukum Syara'	حكم شرع

JADUAL (Sambungan)

Ikrar	اقرار
Jinayat	جناية
Jurh	جرح
Kafalah	كفالة
Mahjur 'alaih	محجور عليه
Mahr	مهر
Marad al maut	مرض الموت
Mazhab	مذهب
Ma'tuh	معتوه
Mua'amalat	معاملات
Mudharabah	مضاربه
Mumaiyiz	مميز
Muzakki	مزكى
Nisab	نصاب
Qarinah	قرينة
Qisas	قصاص
Syahadah	شهادة
Syahid	شاهد
Syahid Asal	شاهد اصل
Syahid Furu'	شاهد فروع
Syahadah ala al syahadah	شهادة على الشهادة
Ta'zir	تعزير
Ta'n	طعن
Tazkiyah al syuhud	تزكية الشهود
Wali	ولى
Wasi	وصى
Wallahu 'a'alam	والله اعلم

JADUAL (Sambungan)

Yamin	يمين
Zakat	زكاة
Zina	زنا

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Zulhijah, Tahun Hijrah 1421 bersamaan dengan 1 haribulan Mac, 2001 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.